

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI SELASA : 22 OKTOBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8, NO. 11 HINGGA NO. 47)**

[SOALAN NO. 8 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 23]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi menggalakkan pembayaran balik pinjaman PTPTN memandangkan dilaporkan seramai 430,000 peminjam gagal membuat bayaran balik pinjaman pendidikan dengan tunggakan sebanyak RM6 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk jawab secara bersekali soalan-soalan dari **tujuh (7) orang Yang Berhormat** kerana menyentuh isu yang sama dan berkaitan melibatkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat **Bukit Bendera**, soalan 23 bertarikh 22 Oktober 2024;
- (ii) Yang Berhormat **Kampar**, soalan 1 bertarikh 11 November 2024;
- (iii) Yang Berhormat **Tanah Merah**, soalan 10 bertarikh 14 November 2024;
- (iv) Yang Berhormat **Ayer Hitam**, soalan 17 bertarikh 14 November 2024;
- (v) Yang Berhormat **Kuala Langat**, soalan 2 bertarikh 20 November 2024;
- (vi) Yang Berhormat **Beluran**, soalan 22 bertarikh 26 November 2024; dan
- (vii) Yang Berhormat **Muar**, soalan 2 bertarikh 11 Disember 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat peminjam di masa akan datang. Sebarang keperluan atau kekurangan dana bagi tujuan pembiayaan pinjaman PTPTN akan ditampung dengan perolehan dana melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan, atau melalui pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah memberhentikan tindakan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman, serta sekatan perjalanan kepada peminjam ingkar semenjak Jun 2018. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa PTPTN mengambil pendekatan untuk mengingatkan peminjam mengenai tunggakan bayaran balik pinjaman serta tanggungjawab mereka untuk membuat bayaran balik pinjaman.

3. Selain itu, PTPTN juga mengambil pendekatan menyediakan insentif tertentu bagi menggalakkan peminjam membuat bayaran balik seperti membenarkan peminjam membuat penstrukturan atau penjadualan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan masing-masing.

4. Terkini, Kementerian dan PTPTN sedang bekerjasama rapat dengan Unit Pantau Madani, Kementerian Kewangan untuk mengkaji dan mencadangkan model pembiayaan baharu PTPTN yang lebih efisien dan mampan untuk jangka masa panjang, bagi pembiayaan pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan:

(a) sebab respon kurang memberangsangkan dalam bidaan yang diadakan oleh Energy Exchange (Enegem) bagi tenaga boleh baharu (TBB) eksport ke Singapura; dan

(b) langkah yang diambil untuk memperbaiki respon pemain TBB dan meningkatkan daya tarikan TBB Malaysia di pasaran Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesi bidaan bagi projek rintis pembekalan tenaga boleh baharu (TBB) merentas sempadan ke Singapura telah dilaksanakan melalui *Energy Exchange Malaysia* atau ENEGEM. Sebanyak 16 syarikat yang layak dari Singapura telah mendaftarkan minat untuk menyertai proses bidaan ini.
2. Daripada jumlah tersebut, hanya 3 syarikat yang berjaya memenuhi semua syarat untuk menyertai bidaan atas talian pada 16 Jun 2024. Bekalan elektrik hijau berjumlah 100MW telah berjaya dibida oleh 2 syarikat dari Singapura dan proses untuk memuktamadkan perjanjian pembekalan elektrik merentas sempadan sedang dilakukan.
3. Dalam melaksanakan perdagangan TBB merentas sempadan ini, Kerajaan mengambil pendirian untuk memastikan kepentingan dan manfaat kepada negara adalah terpelihara dan terjamin. Oleh itu, keutamaan akan diberikan untuk memastikan keperluan bekalan elektrik hijau dalam negara, yang dijangka meningkat dapat dipenuhi terlebih dahulu.
4. Pada masa yang sama, fokus negara juga adalah untuk menarik pelaburan bernilai tinggi yang memerlukan bekalan elektrik hijau termasuk dari Singapura ke negara ini, terutamanya ke kawasan Zon Ekonomi Khas Johor Singapura atau *Johor Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ)*, bagi mewujudkan peluang ekonomi dan menjana sumber kekayaan baharu dalam pelbagai bidang ekonomi kepada rakyat termasuk pemain industri TBB tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) sedang dan akan dibangunkan sehingga kini di sekitar jajaran ECRL terutama di negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) seperti yang kita sedia maklum merupakan projek landasan kereta api sejauh 665 kilometer yang menghubungkan kawasan Lembah Klang dan bandar-bandar utama di Pantai Timur iaitu Bentong, Temerloh, Kuantan, Kemaman, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Projek ini dijangka akan memberi impak aglomerasi yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan perkembangan industri di sepanjang koridor ECRL.

2. Bagi tujuan itu, beberapa Projek Pemacu Ekonomi atau *Economic Accelerator Project* (EAP) telah dirancang. EAP turut merangkumi taman perindustrian, hab logistik dan pembangunan berorientasikan transit (TOD). Selain itu, sebarang projek pembangunan yang berkaitan dengan projek ECRL seperti hab kargo (*cargo hub*), pusat pelancongan dan lain-lain aktiviti ekonomi yang dapat meningkatkan penggunaan rel dan kargo, boleh diambil kira sebagai pembangunan EAP.

3. Sebanyak 14 TOD, 11 taman perindustrian, dan 6 hab logistik telah dikenal pasti untuk dibangunkan di sepanjang jajaran koridor ECRL. Daripada jumlah tersebut, 6 TOD, 4 taman perindustrian dan 1 hab logistik dirancang bagi negeri Terengganu. Lokasi adalah seperti berikut:

- i. Stesen Jerneh – 1 TOD kediaman dan komersial;
- ii. Stesen Bandar Permaisuri – 1 TOD kediaman dan komersial;
- iii. Stesen Kuala Terengganu – 1 TOD kediaman dan komersial;
- iv. Stesen Dungun – 1 TOD kediaman dan komersial, 2 taman perindustrian dan 1 hab logistik;
- v. Stesen Kemasik – 1 TOD kediaman dan komersial serta 1 taman perindustrian; dan
- vi. Stesen Chukai – 1 TOD kediaman dan komersial serta 1 taman perindustrian.

4. EAP berupaya mendatangkan kesan limpahan yang positif seperti berikut:

- (a) anggaran pelaburan keseluruhan dengan nilai RM68.4 bilion, merangkumi RM53.7 bilion bagi sektor pembinaan dan RM14.7 bilion pelaburan operasi. Projek ini juga dijangka akan mampu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara daripada RM1.34 trilion pada tahun 2020 kepada RM1.4 trilion pada tahun 2047, menerusi peningkatan KDNK sebanyak RM52.8 bilion setiap tahun;
- (b) selain itu, projek-projek tersebut berpotensi mewujudkan 1,390,086 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan menjelang tahun 2047;
- (c) projek-projek EAP juga akan dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi di setiap negeri yang terlibat. Jangkaan peningkatan KDNK di negeri Terengganu khususnya bagi tempoh bermula dari tahun 2020 sehingga tahun 2047 adalah meningkat daripada RM34.0 bilion (2020) kepada RM54.5 bilion (2047).

5. Pada masa ini, tarikh siap projek ECRL Fasa 1 dari Kota Bharu, Kelantan sehingga ITT Gombak, Selangor seperti yang dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026 manakala tarikh siap Fasa 2 iaitu dari Gombak sehingga ke Pelabuhan Klang, Selangor dijadualkan pada 31 Disember 2027.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengesan penjenayah siber yang menggunakan laman web didaftarkan di luar negara seperti WordPress bertujuan menyebarkan fitnah/cerita palsu terhadap Kerajaan atau rakyat Malaysia. Mengapa tiada tindakan Kerajaan tentang nombor repot polis: SRI HARTAMAS/003839/24, KEPONG/007846/24 dan KEPONG/011988/24.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.
2. Sebagai agensi penguatkuasa utama negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini memikul tanggungjawab yang semakin berat dalam usaha untuk membanteras jenayah siber yang berbeza dengan jenayah fizikal yang lain. Antara cabaran besar bagi pihak PDRM dalam mengendalikan kes jenayah siber ialah untuk mengesan lokasi operasi penjenayah siber terutamanya jika penjenayah berada di luar Malaysia.
3. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu jenayah siber adalah seperti berikut:
 - i. Melaksanakan kerjasama strategik dan sesi libat urus secara berkala bersama pihak Kementerian dan Agensi berkaitan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Komunikasi, SKMM, AGC dan Cybersecurity;
 - ii. Menyediakan kemudahan latihan dalam bidang teknologi baharu kepada agensi penguatkuasaan;
 - iii. Menaiktaraf prasarana teknologi agensi penguatkuasaan supaya setanding dengan perkembangan teknologi dalam menguatkuasakan undang-undang; dan
 - iv. Kerjasama melalui pihak INTERPOL serta instrumen perundangan MLA yang melibatkan sumber penyebaran maklumat dari luar negara.

4. Bagi menjawab soalan yang kedua, pihak PDRM menyangkal dakwaan bahawa tiada tindakan diambil terhadap laporan polis yang dinyatakan. Berikut adalah laporan polis untuk makluman Yang Berhormat:

- i. PDRM telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis bersabit **Sri Hartamas/003839/24** di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; dan
- ii. Bagi laporan polis **Kepong/007846/24** dimana Yang Berhormat sebagai pengadu di dalam kes ini, kertas siasatan telah dibuka dan disiasat di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR.TS.HJ. KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

IR.TS.HJ. KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian agar Malaysia Airlines kekal berdaya saing dan kembali sebagai syarikat penerbangan Malaysia yang utama, di samping memastikan pengambilan tenaga mahir di syarikat tersebut dapat direkrut dengan kadar segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan Malaysia Airlines Berhad (MAB) kekal berdaya saing, MAB telah menyatakan komitmen mereka dalam memberikan tumpuan kepada **peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden**. Selain itu, MAB juga telah **memperkukuhkan tawaran gaji pekerja yang kompetitif bagi menarik minat pekerja baharu dan mengekalkan pekerja sedia ada** serta melaksanakan proses pengambilan terus dari pasaran. Sebagai langkah proaktif, MAB juga telah mengambil tindakan **pembangunan kumpulan bakat (*pool of talent*) bagi keperluan tenaga kerja jangka masa panjang**.

Selain masalah kekurangan tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan penerbangan, fokus juga diberikan kepada **kebolehcapaian untuk mendapatkan bekalan stok dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan kerja-kerja pembaikan pesawat dapat dilaksanakan dengan segera**.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan tahap keupayaan Kecerdasan Buatan (AI) di kalangan rakyat Malaysia dan apakah perancangan Kementerian dalam menangani implikasi etika, undang-undang, ekonomi, dan sosial berkaitan AI serta alat yang dikuasakan AI untuk sektor penting negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut *Government AI Readiness Index 2023* yang telah diterbitkan oleh Oxford Insights, Malaysia telah mendapat skor 68.71 dan berada di tangga ke-23 dalam kalangan 193 buah negara, iaitu kelompok 15 peratus yang terbaik di dunia. Prestasi ini jauh lebih tinggi daripada purata bagi negara-negara berpendapatan menengah atas iaitu 43.69.

2. Kedudukan yang memberangsangkan ini menunjukkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain seperti Korea Selatan, Australia dan Ireland. Hal ini membuktikan bahawa usaha yang telah diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan teknologi, infrastruktur dan data telah membuahkan hasil yang positif.

3. Bagi menangani implikasi etika, undang-undang, ekonomi dan sosial berkaitan AI, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah proaktif melalui penyediaan persekitaran dan ekosistem yang menyokong reka bentuk dan pembangunan AI secara beretika dan bertanggungjawab.

4. Kementerian ini akan melancarkan Pejabat AI Kebangsaan ("NAIO") pada penghujung tahun ini yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pemain utama dalam ASEAN serta landskap global yang lebih luas. NAIO berupaya untuk meningkatkan keupayaan AI negara dengan memupuk inovasi, mempromosikan kerjasama merentas sektor dan menyokong integrasi AI ke dalam rangka kerja Kerajaan, industri dan masyarakat. Selain itu, NAIO akan turut menerajui inisiatif yang memanfaatkan AI untuk mengukuhkan ekonomi digital, meningkatkan perkhidmatan awam dan menyumbang kepada pembangunan yang mampan.

5. Susulan daripada penutupan iklan kekosongan jawatan di NAIO pada 13 Oktober 2024, sejumlah 1,254 permohonan telah diterima daripada calon yang berminat untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan penting seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Dasar AI dan Pengarah AI *Innovation Exchange* NAIO. Perkara ini sekali gus akan

dapat memastikan bahawa calon yang berkeelayakan dan berpengalaman luas dalam bidang AI akan dilantik, demi memastikan pembangunan dalam aspek dasar dan inovasi AI di Malaysia akan berada pada landasan yang sewajarnya.

6. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga telah melancarkan Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara atau *Artificial Intelligence Governance and Ethics* (AIGE) pada 20 September 2024. Dokumen AIGE ini mengadaptasi tujuh (7) prinsip utama yang diperlukan bagi pembangunan dan penggunaan AI secara bertanggungjawab.

7. Garis Panduan yang turut sama dimurnikan oleh Kementerian ini akan melihat ekosistem AI secara menyeluruh yang meliputi (i) pengguna; (ii) penggubal polisi Kerajaan/ agensi/ organisasi/ institusi; (iii) pereka; dan (iv) penyedia dan pembekal teknologi supaya ianya mematuhi nilai-nilai sosial dan etika, serta kebijakan yang ada bagi memastikan teknologi AI digunakan untuk kesejahteraan umum tanpa mengabaikan hak kemanusiaan dan keamanan individu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan jangka pendek dan panjang Kementerian bagi mengembalikan semula pelaksanaan Peperiksaan UPSR dan PT3.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik.

PBS disifatkan sebagai *game changer* untuk KPM beralih daripada pentaksiran berorientasikan peperiksaan ke arah pentaksiran berorientasikan perkembangan murid secara holistik. Fokus pembelajaran bukan hanya bertumpu kepada gred atau markah dalam peperiksaan, tetapi beralih kepada pembelajaran yang bermakna dalam suasana yang menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambahbaik sistem pentaksiran pendidikan, KPM telah melakukan perbandingan dengan beberapa buah negara seperti Finland, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Australia, Scotland, Norway, New Zealand, Jepun, Hong Kong, serta Indonesia dan mereka juga telah beralih daripada peperiksaan berpusat kepada PBS. Perbandingan pentaksiran pendidikan yang dilaksanakan di negara serantau dan antarabangsa menunjukkan bahawa pentaksiran pendidikan di Malaysia bergerak selari dengan agenda pendidikan global.

Pelaksanaan PBS adalah selari dengan *Incheon Declaration and the Education 2030 Framework for Action* yang dibentangkan pada 21 Mei 2015 dalam *World Education Forum* di Incheon, Republik Korea. Deklarasi ini menggariskan pentaksiran pendidikan berkualiti melalui pentaksiran berterusan berasaskan bilik darjah serta pentaksiran yang lebih komprehensif merangkumi pentaksiran kognitif dan bukan kognitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha memperkasa PBS, KPM juga telah melaksanakan ujian akhir sesi akademik yang

merupakan pentaksiran sumatif dalam komponen PBD. Ujian ini bersifat *low stake* dan mampu mengurangkan tekanan peperiksaan kepada murid. Selain itu, KPM turut melakukan penambahbaikan terhadap pelaksanaan ujian akhir sesi akademik mulai sesi akademik 2024/2025, antaranya ialah menukar bentuk pelaporan daripada Tahap Penguasaan (TP) kepada bentuk peratus dan gred, serta memberikan sekolah dan guru autonomi dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik.

KPM yakin pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS yang merangkumi aspek intelektual, emosi, sosial dan jasmani merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KPM sentiasa cakna dan mengambil kira pandangan serta saranan semua pihak yang berkaitan dalam menentukan hala tuju pendidikan negara. Justeru itu, pentaksiran pendidikan secara holistik melalui PBS akan turut dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet dalam masa terdekat.

Pada masa sama, KPM turut menumpukan pada enam agenda reformasi pendidikan negara dan pendekatan baharu kurikulum persekolahan 2027 serta pelan pembangunan pendidikan baharu. KPM beriltizam untuk memastikan semua agenda reformasi pendidikan bergerak tangkas dan berupaya memberikan pendidikan berimpak tinggi kepada generasi pewaris negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah terdapat sebarang jalinan kerjasama yang dilaksana dengan negara pengeluar getah utama dunia dalam menstabilkan harga getah serta usaha dalam mempergiat dan meningkatkan penggunaan getah asli dalam kalangan negara pengeluar itu sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia menyertai dua jalinan kerjasama antarabangsa iaitu ***International Tripartite Rubber Council (ITRC)*** dianggotai oleh tiga negara pengeluar utama iaitu **Thailand, Indonesia dan Malaysia (TIM)** ditubuhkan pada tahun 2002 dan ***The Association of Rubber Producing Countries (ANRPC)*** terdiri dari 13 negara pengeluar yang menyumbang 85% daripada pengeluaran getah asli dunia termasuk dua (2) negara pengguna iaitu China dan Singapura dan ditubuhkan pada tahun 1970.
2. Objektif penubuhan ITRC adalah untuk memastikan pekebun kecil dan pengeluar getah asli memperoleh harga yang berpatutan (*fair* dan remuneratif. Bagi mencapai matlamat ini, ITRC telah memperkenalkan dua (2) mekanisme intervensi pasaran iaitu *Supply Management Scheme (SMS)* dan *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)*. Mekanisme ini akan terus dimanfaatkan dalam usaha menstabilkan harga getah agar pekebun kecil mendapat faedah yang sebaiknya.
3. Selain itu, ITRC juga memperkenalkan *Demand Promotion Scheme (DPS)* sebagai mekanisme untuk menggalakkan dan mempromosi penggunaan getah bertujuan mengurangkan lambakan getah dalam pasaran. Walau bagaimanapun, DPS tidak banyak mendorong penggunaan tempatan disebabkan permintaan eksport yang menguntungkan.
4. ANRPC pula, adalah kerjasama antara negara-negara pengeluar utama getah asli dunia bagi membantu negara ahli dalam menangani pelbagai isu dalam industri getah secara umum. Salah satu inisiatif yang sedang dibincangkan ialah mekanisme penetapan “harga lantai” yang dikenali sebagai **Mekanisme Harga Getah untuk Kesenambungan Hidup Pekebun Kecil** (*Livelihood Rubber Price Mechanism - LRPM*). Mekanisme ini masih dalam peringkat akhir untuk mendapat persetujuan daripada semua negara ahli.

NO SOALAN : 17

5. Di bawah LRPM, harga getah asli akan mengambil kira kos pengeluaran yang sebenar, dengan matlamat memberikan pekebun kecil peluang untuk menikmati harga yang lebih baik dan menguntungkan. Pelaksanaan LRPM merupakan satu langkah penting untuk memastikan industri getah asli kekal mampan dalam jangka masa panjang. Ini akan menjamin pendapatan yang lebih stabil kepada pengeluar getah, selain memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam keseluruhan rantai nilai industri getah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
menyatakan:**

- (a) strategi Kementerian untuk menggalakkan penggunaan solar sertatenaga boleh diperbaharui di Malaysia; dan
- (b) pelan jangka panjang penggunaan solar serta insentif untuk syarikat yang melabur dalam bidang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif untuk menggalakkan pembangunan projek penjanaan TBB dan juga menyediakan program TBB bagi membolehkan pilihan dan lebih banyak akses kepada bekalan elektrik hijau. Antara program dan inisiatif tersebut adalah:

- i. Program *Net Energy Metering* (NEM) dan Program *Self Consumption* (SelCo) yang membolehkan pengguna elektrik memasang sistem solar PV di bumbung premis bangunan untuk kegunaan sendiri;
- ii. Program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) yang membolehkan syarikat korporat mendapat bekalan elektrik hijau yang diperlukan secara langsung daripada pemaju solar;
- iii. Program *Large Scale Solar* (LSS) yang membolehkan pembangunan loji jana kuasa solar berskala utiliti dibangunkan untuk meningkat campuran TBB dalam sistem pembekalan elektrik oleh pemaju yang paling kompetitif;
- iv. Program *Feed-in Tariff* (FiT) dan Program *Low Carbon Energy Generation Programme* yang membolehkan pembangunan projek TBB berdasarkan sumber bukan solar seperti biogas, biojisim dan jana kuasa hidro bagi mempelbagai dan meningkatkan komposisi campuran TBB dalam pembekalan elektrik negara; dan
- v. Program *Green Electricity Tariff* (GET) bagi membolehkan pengguna elektrik yang memerlukan bekalan elektrik hijau melakukan langganan terus daripada syarikat utiliti.

2. Pelaksanaan program-program TBB ini adalah sebahagian daripada usaha dan strategi jangka masa panjang Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan serta campuran TBB dalam pembekalan elektrik negara kepada 70% pada tahun 2050, yang mana sumber solar diunjurkan akan menjadi kapasiti penjanaan TBB utama negara.

Sekian, Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keberhasilan program MyLesen serta berapa jumlah permohonan yang telah diluluskan bagi tempoh pelaksanaan dari tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program MyLesen Tahun 2024 merupakan satu inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan khususnya belia untuk mendapatkan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal), Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) (E-Hailing dan Bas) dan Lesen Vokasional Kenderaan Barangan (GDL) (Lori).
2. Program ini akan membuka peluang untuk mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui peluang pekerjaan dalam sektor logistik, pengangkutan awam, dan pelancongan.
3. Sehingga 14 September 2024, seramai 32,974 orang telah layak dan menyertai Program MyLesen Tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,730 orang telah menamatkan program ini. Baki 31,244 orang sedang dalam peringkat Latihan dan Pengujian yang berlangsung sepanjang Julai sehingga November 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian atau perancangan untuk menilai keberkesanan subsidi yang sedia ada dan adakah subsidi bersasar merupakan penyelesaian jangka panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM80 bilion bagi membiayai keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan sosial. Daripada jumlah ini, perbelanjaan subsidi kepenggunaan adalah yang terbesar iaitu sebanyak RM50 bilion yang merangkumi subsidi petrol, diesel dan gas memasak, subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik serta subsidi harga ayam dan telur ayam.

Perbelanjaan subsidi, insentif dan bantuan sosial yang semakin meningkat telah mencetus risiko negatif kepada kemampuan fiskal jangka panjang negara dan menyebabkan peruntukan untuk sektor yang lebih penting seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan keselamatan terjejas.

Seperti yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2024, mulai tahun ini, Kerajaan akan melaksanakan penyiasaran semula subsidi secara berfasa bagi membendung ketirisan yang menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara. Setelah penyiasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, Kerajaan telah melaksanakan penyiasaran subsidi diesel yang mensasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah fleet card. Melalui kaedah ini, syarikat logistik yang diluluskan layak untuk mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter. Kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, ambulan dan bomba sukarela masih menikmati harga super subsidi pada RM1.88 seliter dan sektor nelayan pada RM1.65 seliter.

Serentak dengan pelaksanaan langkah tersebut, Kerajaan juga telah melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan

pendapatan boleh guna kumpulan sasar. Melalui pelaksanaan penyerasan subsidi diesel ini, Kerajaan menganggarkan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun.

Di samping itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasa dengan pelaksanaan OPS KESAN, OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR. Semua operasi ini adalah bertujuan membendung sebarang usaha untuk menjejaskan kestabilan bekalan barangan dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran.

Sejak pelaksanaan penyerasan subsidi diesel mulai 10 Jun 2024, amaun tuntutan subsidi diesel oleh syarikat minyak bagi bulan Ogos 2024 telah berkurang sebanyak 51.6 peratus berbanding amaun tuntutan bagi bulan Mei 2024. Kuantiti tuntutan juga telah menurun sebanyak 47.4 peratus dalam tempoh yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI
PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci berkenaan :

- (a) pola penyertaan para pelajar pengajian tinggi dalam kursus-kursus melibatkan bidang sains, teknologi dan matematik (STEM); dan
- (b) unjuran graduan kursus STEM lima tahun ke hadapan dan penyelesaian kepada isu ketandusan bakat dan graduan dalam bidang ini.

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) memainkan peranan yang penting sebagai pemboleh daya yang memacu pembangunan negara berteraskan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang serius perkara ini lantaran bakat STEM memainkan peranan penting dalam memacu pengukuhan industri dan sektor ekonomi negara.

2. Di peringkat nasional, Jawatankuasa Pemandu Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) telah diwujudkan dan diurusetikan oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) yang mana KPT, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan beberapa kementerian lain mempunyai peranan sebagai ahli tetap. Jawatankuasa ini menyelaras isu-isu keperluan bakat STI negara dalam memenuhi keperluan pelbagai bidang industri.

3. Untuk makluman, berdasarkan sistem MyMohes di KPT, bilangan kemasukan pelajar bidang STEM di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2023 adalah seramai 122,804 pelajar, berbanding tahun 2022 iaitu 122,625 pelajar. Perincian lanjut kemasukan pelajar bidang STEM di IPTA adalah seperti berikut:

- i. Kemasukan di Universiti Awam (UA) adalah seramai 86,751 pelajar,
- ii. Kemasukan di Politeknik seramai 26,787 pelajar, dan
- iii. Kemasukan di Kolej Komuniti seramai 9,266 pelajar.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

4. Mengenai unjuran graduan kursus STEM, semakan Kementerian ini dengan pihak Universiti Awam (UA) mendapati unjuran UA bagi graduan STEM lima tahun ke hadapan adalah sekitar 2,000 ke 2,500 graduan setiap tahun.

5. Dalam hal ini, KPT sentiasa memastikan IPT di Malaysia melaksanakan pelbagai langkah strategik yang berkesan untuk menarik minat dan penyertaan pelajar dalam STEM dan seterusnya, meningkatkan kualiti pembangunan bakat STEM negara melalui penawaran program dalam bidang berteknologi tinggi dan memenuhi keperluan industri.

6. KPT juga sentiasa proaktif dengan menggerakkan kerjasama strategik merentas Kementerian antara KPT, KPM dan MOSTI bagi mengupayakan langkah-langkah meningkatkan jumlah pelajar, kualiti pendidikan STEM, penawaran serta permintaan dalam sektor ini. Ia seterusnya diharap dapat meningkatkan daya saing dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) negara.

7. Kementerian melalui IPT akan meneruskan sinergi bersama pihak industri dalam mengenal pasti pendekatan konsolidasi terkini yang lebih efektif untuk meneroka potensi sesuatu bidang atau industri secara terperinci selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan-NIMP 2030*).

8. KPT juga akan memberi fokus kepada pembangunan bakat, *industry-ready talent* bagi sektor industri yang berpotensi dengan memberi perhatian kepada pendidikan STEM dan TVET, pensijilan profesional dan program *skilling* yang akan menjadi kelayakan yang diberi keutamaan oleh industri serta seterusnya mengupayakan gaji premium apabila graduan kita melangkah ke pasaran kerja.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF
[SHAH ALAM]
TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar dan status pelaksanaan *e-invoicing*, manfaat yang telah diperolehi hingga kini, cabaran yang dihadapi dan setakat manakah ia berupaya meningkatkan kecekapan sistem percukaian negara sekaligus menangani ekonomi bayangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasa pertama pelaksanaan e-Invois telah bermula pada 1 Ogos 2024 yang melibatkan syarikat besar dengan perolehan jualan tahunan melebihi 100 juta ringgit. Fasa kedua akan bermula pada 1 Januari 2025 melibatkan syarikat dengan perolehan tahunan sebanyak 25 juta ringgit sehingga 100 juta ringgit. Manakala pelaksanaan e-Invois secara menyeluruh akan bermula pada 1 Julai 2025 yang melibatkan semua perniagaan termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Setakat 14 Oktober 2024, sebanyak 7,400 syarikat telah menggunakan sistem e-Invois yang melibatkan pengeluaran 58 juta e-invois secara keseluruhan. Ini menunjukkan tahap penerimaan yang baik di kalangan syarikat dalam mematuhi pelaksanaan e-Invois.

Antara isu yang dihadapi dalam fasa awal pelaksanaan e-invois adalah mengenai kesukaran di pihak penjual untuk mendapatkan maklumat Nombor Pengenalan Cukai (TIN) pembeli bagi tujuan pengeluaran e-Invois. Namun bagi memudahkan pencarian nombor TIN pembeli, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sedang dalam proses menyediakan platform semakan nombor TIN.

Selain itu, terdapat isu kesukaran untuk mengakses portal MyInvois, bagaimanapun LHDNM telah meningkatkan komunikasi melalui pelbagai medium seperti panduan pengguna dan video pendidikan kepada pembayar cukai. Dari aspek teknikal, pembayar cukai yang menggunakan mekanisme *Application Programming Interface* (API) telah menyatakan cabaran berkenaan limitasi saiz pengeluaran e-Invois.

Bagi mengatasi isu tersebut, LHDNM telah menyediakan panduan teknikal melalui *Software Development Kit* (SDK). SDK ini juga menyediakan kaedah untuk mengecilkan saiz fail mengikut keperluan saiz yang telah ditetapkan bagi tujuan validasi. Seterusnya, bagi membolehkan pembayar cukai menguruskan pengeluaran e-Invois

dengan lancar, LHDNM juga telah menyediakan fungsi muat naik secara berkelompok dan ia telah dijelaskan melalui panduan pengguna melalui Portal MyInvois.

Pelaksanaan e-Invois merupakan suatu mekanisme pelaporan transaksi jualan dan belian kepada pentadbir cukai. Di pihak peniaga, inisiatif e-Invois akan dapat membantu perniagaan untuk mempunyai sistem perekodan jualan dan pembelian serta penyimpanan dokumen yang lebih teratur yang mana akhirnya dapat melancarkan operasi perniagaan.

Pelaksanaan e-Invois juga memberi manfaat kepada Kerajaan dan pentadbir percukaian dalam menangani isu ketirisan cukai dan ekonomi bayangan dengan maklumat yang diperolehi secara masa nyata dapat mengurangkan peluang perniagaan untuk melaporkan jualan yang kurang atau melebihi amaun perbelanjaan. Nombor ID unik akan diberikan ke atas e-Invois yang disahkan bagi membolehkan pihak LHDNM menjejaki transaksi apabila tindakan audit dilaksanakan dalam memastikan tiada perubahan, penipuan dan pemalsuan pada e-Invois. Langkah ini dapat meningkatkan keseluruhan kecekapan kutipan cukai dan pematuhan cukai seterusnya membantu Kerajaan dalam menangani isu ekonomi bayangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan mengkaji semula cadangan pengecualian cukai korporat ke atas Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) setiap negeri; dan
- (b) adakah polisi kawal selia had dan keperluan perbadanan merujuk kepada Akta Perbadanan Seksyen 13A dan 14(1) akan dikaji semula terutamanya pemberian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pengenaan cukai pendapatan di Malaysia ditentukan di bawah seksyen 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menetapkan bahawa setiap pendapatan yang terakru, diperolehi atau terbit dari Malaysia akan dikenakan cukai pendapatan.

Secara amnya, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang ditubuhkan di bawah akta atau enaknya sendiri merupakan sebuah badan berkanun yang termasuk dalam skop pengenaan cukai pendapatan korporat.

Namun, Kerajaan telah menyediakan layanan pengecualian cukai pendapatan di mana terdapat pendapatan tertentu yang diterima oleh badan berkanun adalah dikecualikan cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2006. Pendapatan yang dikecualikan cukai adalah:

- i. pendapatan yang diterima berkenaan dengan suatu amaun yang boleh dikenakan ke atas dan dipungut daripada mana-mana orang mengikut peruntukan Akta yang mengawal selia pihak berkuasa berkanun itu;
- ii. apa-apa derma atau sumbangan yang diterima; dan
- iii. pemberian atau subsidi daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Sekiranya PKEN menerima pendapatan selain daripada pendapatan yang dinyatakan di bawah akta seliaannya, maka pendapatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Manakala bagi PKEN yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 sebagai syarikat seperti *Government Investment Companies* (GIC) atau *Government Linked Companies* (GIC), cukai yang dikenakan adalah seperti syarikat yang menjalankan perniagaan biasa sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Hasil cukai yang dibayar kepada Kerajaan akan dapat dimanfaatkan semula untuk rakyat dan pembangunan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini polisi kawal selia had pelaburan perbadanan adalah di bawah perenggan 13A dan

14(1), Jadual Kedua, Akta Pmerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962. Beberapa PKEN telah mengutarakan cadangan agar had nilai pelaburan yang memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan ini dikaji semula.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan akan melihat perkara tersebut dengan lebih teliti agar cadangan pindaan berkenaan tidak memberi risiko kewangan bukan sahaja kepada PKEN malah kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Kerajaan Persekutuan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan strategi Kementerian dalam memastikan penyelenggaraan pesawat Malaysia Airline (MAS) dijalankan sebaik mungkin dalam keadaan kos penyelenggaraan dijangka meningkat dengan mendadak dan jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan masalah teknikal sering kali berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) prihatin dan memandang serius aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dalam memastikan pertumbuhan industri penerbangan selari dengan pematuhan terhadap piawaian-piawaian keselamatan yang telah ditetapkan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya insiden pesawat yang perlu berpatah balik dikategorikan kepada dua (2) keadaan iaitu *Return to Chock* (RTC) dan *Air Turn Back* (ATB) dengan izin. RTC adalah keadaan dimana pesawat diarah untuk berpatah balik ke posisi parkir. Biasanya keadaan ini berlaku setelah pesawat mengalami sebarang masalah atau isu dan perlu berpatah balik sebelum berlepas.
3. Manakala ATB merujuk kepada keadaan dimana pesawat berpatah balik ke lapangan terbang asal selepas pesawat berlepas. Insiden ini biasanya akibat daripada isu kecemasan atau situasi tidak normal yang berlaku ke atas pesawat seperti masalah kegagalan enjin, isu teknikal dan kecemasan seperti isu kesihatan atau perubatan.
4. Bagi tahun 2023, sebanyak 248 insiden yang melibatkan RTC dan 13 insiden ATB direkodkan. Bagi tahun 2024 setakat Oktober, sebanyak 181 insiden RTC dan 18 insiden ATB direkodkan.
5. Salah satu strategi bagi memulihkan keyakinan penumpang terhadap syarikat Malaysia Airlines (MAB) adalah berdasarkan kepada hasil laporan *On-Time Performance* ("OTP") Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Pada April tahun ini, MOT dan MAVCOM telah menetapkan sasaran OTP 85% dan penerbangan 80% mematuhi jadual pada setiap masa bagi syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 dan 2 dan dalam peringkat merangkumkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa serta lapangan terbang domestik yang lain selain KLIA. Keputusan prestasi syarikat penerbangan itu diterbitkan di laman web MAVCOM. MAVCOM bercadang untuk memperluaskan penerbitan

prestasi syarikat penerbangan bagi merangkumi pelepasan penerbangan dari lapangan terbang lain di Malaysia.

6. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) selaku Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan teknikal penerbangan awam negara telah meningkatkan pemantauan dan menjalankan siasatan terhadap sebarang insiden yang melibatkan pesawat-pesawat kendalian syarikat-syarikat penerbangan Malaysia.

7. Dalam hubungan ini, CAAM telah menjalankan siasatan mengejut ke atas syarikat penerbangan MAB termasuk syarikat MAB Engineering Services (MABES) dengan izin yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan pesawat-pesawat MAB pada 24 hingga 28 Jun 2024.

8. Berdasarkan dapatan siasatan tersebut, antara isu signifikan yang menyumbang kepada beberapa insiden teknikal pesawat MAB adalah kemungkinan disebabkan masalah komponen mekanikal dan kekurangan tenaga pekerja mahir yang diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pesawat dan meningkatkan tahap keberkesanan sistem pengurusan kualiti serta sistem pengurusan perihal selamat oleh syarikat penerbangan MAB dan MABES.

9. Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti tindakan penambahbaikan terhadap hasil siasatan mengejut CAAM, MAB telah menyediakan plan mitigasi antaranya adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pesawat ke tahap waspada bagi membolehkan fokus diberikan terhadap kebolehpercayaan pesawat.

10. Pada masa yang sama, MAB juga telah melaksanakan proses perolehan pesawat baharu sebagai salah satu strategi meningkatkan keyakinan penumpang terhadap syarikat penerbangan tersebut selain memastikan ketersediaan pesawat yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penerbangan yang telah dijadualkan.

11. Bagi memperkukuhkan aspek-aspek penyelenggaraan pesawat, MAB telah mengambil beberapa langkah komprehensif seperti berikut:

- i) Membatalkan beberapa rangkaian penerbangan dalam dan luar negara secara sementara. Langkah pembatalan rangkaian penerbangan ini adalah perlu bagi memastikan ketahanan jangka panjang pesawat dan keteguhan operasinya. Melalui pembatalan rangkaian penerbangan secara sementara ini akan membolehkan penyelenggaraan yang lebih proaktif dilakukan terhadap pesawat, mengurangkan risiko kerosakan pesawat dan memberikan pengalaman penerbangan yang terbaik kepada pelanggan. Keputusan ini juga adalah untuk memastikan standard keselamatan MAB bukan hanya dikekalkan tetapi diperkukuhkan;
- ii) MAB juga telah menjalankan siasatan menyeluruh terhadap isu teknikal semasa dengan mengenal pasti dan membetulkan punca, serta menambah baik protokol dan prosedur penyelenggaraan bagi memastikan piawaian keselamatan yang ditetapkan dapat dicapai;
- iii) Semua langkah penyelesaian masalah (*troubleshooting*) yang diperlukan untuk mengasingkan kerosakan sedang dilakukan menggunakan manual penyelenggaraan pesawat terkini yang telah diluluskan. Dalam hal ini, MAB telah menggunakan teknologi moden dalam penyelenggaraan pencegahan dan ramalan untuk menjangka dan menangani isu sebelum ianya menjadi kritikal;
- iv) MAB juga sedang bekerjasama rapat dengan pengeluar pesawat dan enjin serta rangkaian pembekal yang berkaitan untuk menangani isu rangkaian bekalan dan teknikal;
- v) Di samping itu, MAB juga sedang memberikan tumpuan kepada peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden; dan

- vi) Secara kolektifnya, langkah-langkah ini dilakukan bertujuan untuk memulihkan keyakinan penumpang dan bagi memastikan penerbangan yang lebih selamat serta lebih dipercayai oleh penumpang.

12. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan audit terkini CAAM ke atas syarikat MAB, tempoh pembaharuan Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) akan dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun sahaja bermula 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Oleh yang demikian, syarikat penerbangan perlu melalui proses pengauditan yang lebih kerap sebelum AOC diperbaharui. Hal ini akan memastikan MAB lebih peka dan mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sewajarnya sebagai mana pelan mitigasi yang telah dikemukakan oleh CAAM.

13. CAAM akan meneruskan pemantauan dan menjalankan pengauditan keselamatan terhadap semua pesawat yang dimiliki oleh syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi dalam negara dalam memastikan aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dipatuhi sewajarnya. Kementerian ini menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan keselamatan penumpang penerbangan.

14. Kerajaan melalui YAB Perdana Menteri telah menyatakan komitmen untuk memastikan kejayaan syarikat MAB kerana ia merupakan syarikat penerbangan nasional dan harus kembali sebagai syarikat penerbangan utama negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian dapat menetapkan satu tempoh masa yang tetap bagi menyelesaikan masalah penjanaan bekalan kuasa di Sabah, khususnya di kawasan Sandakan, supaya rakyat dan pengusaha perindustrian di Sabah dapat terus berkembang dan maju dengan bekalan elektrik yang stabil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik Negeri Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah, Fasa 1 telah dimuktamadkan dan berkuatkuasa pada 3 Januari 2024. Manakala bagi penyerahan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), ia akan dilaksanakan melalui Fasa 2 yang dijangka akan selesai pada tahun 2030.
2. Sehubungan itu, segala perancangan untuk Pelan Pembangunan Penjanaaan Elektrik, perolehan, pemantauan dan penyeliaan projek serta penyelesaian isu-isu dan masalah berkaitan pembekalan elektrik Sabah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah sepenuhnya.
3. Justeru itu, Yang Berhormat boleh memanjangkan perkara tersebut melalui Ahli Dewan Undangan Negeri untuk dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan segera dan memberi manfaat kepada rakyat di Sabah. Selain itu, Yang Berhormat juga boleh merujuk perkara ini kepada Energy Commission of Sabah (ECoS) selaku badan kawal selia pembekalan elektrik di Sabah.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak ECoS, beberapa projek penjanaaan yang besar sedang dirancang antaranya ialah pembelian tenaga elektrik dari Sarawak pada tahun 2025, pembangunan loji jana kuasa baharu berkapasiti 100MW pada tahun 2026 dan 2027, serta pembangunan ladang solar berskala besar berkapasiti 100MW pada tahun 2026. Selain itu, Kerajaan Negeri Sabah juga akan mengemaskini perancangan ini melalui Pelan Pembangunan Penjanaaan Elektrik Sabah dalam Mesyuarat Majlis Tenaga Sabah yang diadakan dua kali setahun.
5. Kerajaan Negeri Sabah turut memaklumkan bahawa akan melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan potensi penjanaaan elektrik melalui sumber hidro di Negeri Sabah melalui hasil kajian Pelan

Pembangunan Hidro yang sedang dibangunkan oleh pihak ECoS, meneroka perancangan talian penghantaran melalui sambungtara Sabah dan Kalimantan Utara, penerokaan teknologi dan sumber penjanaan baharu seperti geoterma, angin dan hidrogen. Perancangan-perancangan tersebut juga akan diperhalusi dan dibincangkan melalui Majlis Tenaga Sabah.

6. Dengan pendekatan strategik oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui ECoS dan SESB bagi meningkatkan kapasiti penjanaan dan mengurangkan permintaan tenaga semasa waktu puncak, Kerajaan Persekutuan percaya bahawa masalah penjanaan bekalan elektrik di Sabah dapat dikurangkan.

7. Kerajaan Persekutuan komited dan menyokong agenda pembangunan penjanaan elektrik di negeri Sabah agar rakyat dapat manfaatnya serta sistem pembekalan elektrik menjadi lebih stabil dan terjamin.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]**

TARIKH : **22 OKTOBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apa perancangan Kementerian untuk mencegah penurunan berterusan industri getah disebabkan oleh penurunan harga getah dan pengurangan ketara dalam keluasan getah asli akibat syarikat ladang besar yang keluar dari industri getah kerana penukaran kepada kelapa sawit yang lebih menguntungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyedari keadaan dan kedudukan semasa sektor getah yang menunjukkan penurunan di peringkat hulu (pengeluaran). Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia kini merupakan negara pengeluar getah asli kelapan di dunia. Pada tahun 2023, Malaysia mengimport sebanyak 1.002 juta tan getah asli dengan nilai RM5.73 bilion untuk memenuhi keperluan sektor pemrosesan dan pembuatan tempatan. Malaysia adalah pengimport bersih (*net importer*) getah asli. Dari segi eksport, sektor ini mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 5.8% dari tahun 1990 hingga 2023, menyumbang RM27.8 bilion kepada pendapatan eksport negara. Walaupun sektor hulu mengalami penurunan, sektor hiliran terus memberikan sumbangan yang signifikan dan menyediakan 400,000 peluang pekerjaan di sepanjang rangkaian pengeluaran getah.

2. Merujuk kepada pengurangan ketara dalam keluasan tanaman getah akibat syarikat perladangan besar dan pekebun kecil yang beralih kepada tanaman komoditi lain seperti sawit, perkara ini adalah strategi perniagaan atau operasi masing-masing. Walaubagaimanapun, bagi memastikan tanaman getah terus kekal diusahakan oleh pihak yang terlibat, pelbagai insentif telah dilaksanakan seperti berikut:

i. Insentif Pengeluaran Getah (IPG)

Pemberian insentif ini bertujuan menggalakkan pekebun kecil untuk terus menoreh dan meningkatkan pengeluaran getah negara. Sepertimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2024, paras harga pengaktifan (PHP) IPG telah dinaikkan kepada RM3.00 sekilogram dengan peruntukan berjumlah **RM400 juta** yang mula dilaksanakan pada Januari 2024. Melalui pelaksanaan IPG, pekebun kecil akan menerima harga getah cuplump peringkat ladang (50% kandungan getah kering) berdasarkan Paras Harga Pengaktifan (PHP) RM3.00 sekilogram. Sehingga bulan Disember 2023, Pemberian IPG

telah memberi manfaat kepada **225,249** pekebun kecil dengan pembayaran berjumlah **RM508.74 juta**. Program IPG ini telah dilaksanakan bermula September 2015;

ii. Insentif Pengeluaran Lateks (IPL)

Pemberian IPL adalah untuk menggalakkan pekebun kecil beralih pada pengeluaran getah dalam bentuk lateks berbanding cuplump yang memberi pulangan yang lebih tinggi. Inisiatif ini merupakan langkah bagi menjamin bekalan bahan mentah bagi industri hiliran tempatan dan mengurangkan kebergantungan pada lateks import;

iii. Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET)

Program TARGET bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah dengan cara memendekkan rangkaian bekalan (*supply chain*) dengan penglibatan pekebun dalam rangkaian industri getah (integrasi menegak). Projek ini dijangka dapat menambah nilai getah dan memberi pulangan dan pendapatan yang lebih baik kepada pekebun kecil getah.

iv. Program Rintis Adaptasi Teknologi Getah (ADTEG) RRIM Hydrobest

RRIM Hydrobest adalah bahan rangsangan lateks yang mampu memberikan lebih kebaikan terhadap pokok getah dari segi hasil dan juga mengurangkan kejadian kering kulit pada pokok getah. Penambahbaikan dan pembangunan formulasi bahan rangsangan lateks dapat memberi penekanan pada penggunaan bahan-bahan mesra alam, kestabilan formulasi yang dihasilkan serta memanjangkan jangka hayat produk. Teknologi ini diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan produktiviti getah sebanyak **30 peratus**.

v. Kawalan Penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis (LDP)

Inisiatif kawalan penyakit LDP ini dapat meningkatkan pengeluaran getah dengan mengurangkan impak serangan penyakit LDP terhadap produktiviti kawasan getah dan pendapatan pekebun kecil.

3. Selain itu, Kementerian pada masa ini dalam rangka penyediaan plan program penyatuan tanah untuk memastikan pengeluaran getah ditingkatkan bagi memenuhi keperluan tempatan. Program penyatuan tanah ini akan dilaksanakan terutamanya di 420,000 hektar kawasan getah terbiar atau tidak ditoreh. Program ini akan dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi seperti LGM, RISDA, FELDA, FELCRA, ladang milik Kerajaan Negeri dan semua pihak berkepentingan. Melalui pelaksanaan program konsolidasi ini, diharapkan akan dapat meningkatkan pengeluaran getah asli secara konsisten dalam negara sekitar 585 ribu tan metrik setahun, mengurangkan import getah asli dan sekaligus dapat mengekalkan sektor ini sebagai salah satu sektor penting bagi ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kementerian dan Bank Negara untuk memastikan bank-bank di negara ini memperketatkan sistem keselamatan siber kerana mangsa-mangsa *scam* semakin ramai dan jumlah kerugian semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh Pusat Respons Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre*, NSRC) sejak NSRC beroperasi dari 12 Oktober 2022 sehingga Ogos 2024, sebanyak 122,603 panggilan yang diterima oleh NSRC merangkumi laporan kes-kes penipuan dan khidmat nasihat kepada orang ramai. Berdasarkan aduan-aduan yang diterima itu, didapati jumlah kerugian yang dialami mangsa adalah sebanyak RM371,009,951.92.

BNM telah menetapkan keperluan untuk bank-bank memastikan kawalan dan standard keselamatan aktiviti perbankan atas talian sentiasa diperkukuh selaras dengan amalan industri terbaik. Langkah-langkah ini telah pun menunjukkan impak positif. Pelaksanaan langkah tambahan keselamatan yang dibuat oleh institusi kewangan semenjak September 2022 telah berjaya membantu institusi kewangan menyekat transaksi yang tidak sah dan mencurigakan bernilai RM383 juta bagi tahun 2023. Trend kes penipuan secara *phishing* dan *malware* yang dilaporkan kepada NSRC juga telah menunjukkan trend penurunan.

BNM dan institusi kewangan sentiasa menyokong penuh dan menyumbang ke arah pendekatan menyeluruh negara (*whole-of-nation*) dalam mengukuhkan keselamatan perkhidmatan kewangan bagi mengatasi ancaman penipuan yang semakin meningkat dan sukar.

Dari segi sistem perbankan, BNM telah melaksanakan pendekatan menyeluruh untuk mencegah kes-kes penipuan kewangan atas talian melalui pendekatan pencegahan, pendidikan serta kesedaran.

Di samping itu, usaha BNM untuk mengukuhkan lagi keselamatan perkhidmatan perbankan internet dan mudah alih akan berterusan. Ini termasuklah langkah-langkah seperti:

- a. memperketat piawaian pengesanan penipuan (*fraud detection standard*) untuk memperkasa keupayaan institusi kewangan untuk

mengesan transaksi yang mencurigakan dan menyekat serangan pancingan data dan perisian hasad secara masa nyata (*real-time*);

- b. menambahbaik dasar *Electronic Know Your Customer* (e-KYC) bagi mengukuhkan pengesahan identiti (*identity proofing*) untuk membanteras jenayah akaun keldai;
- c. menghendaki pengeluar wang elektronik (*e-money issuer*) untuk melaksanakan lima langkah pencegahan penipuan kewangan, setanding dengan langkah pencegahan penipuan kewangan yang dilaksanakan oleh institusi perbankan, iaitu penggunaan kaedah pengesahan yang lebih kukuh, penetapan tempoh bertenang (*cooling off period*) untuk pendaftaran akaun wang elektronik untuk kali pertama, mengehendad pelanggan kepada satu peranti sahaja bagi pengesahan transaksi, menyediakan talian hotline khusus bagi pelanggan melaporkan kes penipuan dalam talian melibatkan akaun wang elektronik mereka serta memastikan pengeluar wang elektronik memperketat peraturan pengesanan penipuan kewangan; dan
- d. menguatkuasakan mekanisme "*kill switch*" bagi membolehkan pengguna mengambil tindakan segera untuk membekukan akaun mereka sendiri sekiranya terdapat aktiviti yang mencurigakan.

BNM dan industri kewangan telah membangunkan Portal Anti-Penipuan Kebangsaan atau *National Fraud Portal* (NFP) yang akan diguna pakai oleh peserta industri secara berperingkat bagi memperkukuh keupayaan pengesanan dana oleh NSRC. Melalui NFP, proses penjejakan dana telah diautomasi bagi mempercepat tempoh pengesanan dan pembekuan dana yang ditipu. Selain itu, NFP juga akan meningkatkan tahap kecekapan perkongsian data dalam industri melalui penggunaan data dan maklumat yang lebih kaya dan meluas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan semula Institut Pendidikan Guru di Sandakan bagi melahirkan lebih ramai guru terlatih dalam pelbagai bidang pengajian bagi memenuhi keperluan pendidikan khususnya di Parlimen Libaran, Kinabatangan dan kawasan sekitarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara adalah sebanyak 27 buah dengan enrolmen siswa guru seramai 27,459 orang. Terdapat empat buah IPG di Sabah, iaitu IPG Kent, IPG Keningau, IPG Tawau dan IPG Gaya. Pada masa kini terdapat 3,049 orang siswa guru di kesemua IPG zon Sabah. Kapasiti maksimum siswa guru yang boleh ditampung di semua IPG zon Sabah adalah sebanyak 4500 orang. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia berpandangan buat masa ini belum ada keperluan untuk membina sebuah lagi IPG baharu di Sandakan, Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan masalah gangguan teknikal yang dihadapi oleh Malaysia Airlines yang bukan sahaja memberi kesan kepada penumpang, tetapi juga menjejaskan reputasi negara sebagai hab penerbangan yang selamat dan efisien.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) prihatin dan memandang serius aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dalam memastikan pertumbuhan industri penerbangan selari dengan pematuhan terhadap piawaian-piawaian keselamatan yang telah ditetapkan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya insiden pesawat yang perlu berpatah balik dikategorikan kepada dua (2) keadaan iaitu *Return to Chock* (RTC) dan *Air Turn Back* (ATB) dengan izin. RTC adalah keadaan dimana pesawat diarah untuk berpatah balik ke posisi parkir. Biasanya keadaan ini berlaku setelah pesawat mengalami sebarang masalah atau isu dan perlu berpatah balik sebelum berlepas.

3. Manakala ATB merujuk kepada keadaan dimana pesawat berpatah balik ke lapangan terbang asal selepas pesawat berlepas. Insiden ini biasanya akibat daripada isu kecemasan atau situasi tidak normal yang berlaku ke atas pesawat seperti masalah kegagalan enjin, isu teknikal dan kecemasan seperti isu kesihatan atau perubatan.

4. Bagi tahun 2023, sebanyak 248 insiden yang melibatkan RTC dan 13 insiden ATB direkodkan. Bagi tahun 2024 setakat Oktober, sebanyak 181 insiden RTC dan 18 insiden ATB direkodkan.

5. Salah satu strategi bagi memulihkan keyakinan penumpang terhadap syarikat Malaysia Airlines (MAB) adalah berdasarkan kepada hasil laporan *On-Time Performance* ("OTP") Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Pada April tahun ini, MOT dan MAVCOM telah menetapkan sasaran OTP 85% dan penerbangan 80% mematuhi jadual pada setiap masa bagi syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 dan 2 dan dalam peringkat merangkumkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa serta lapangan terbang domestik yang lain selain KLIA. Keputusan prestasi syarikat penerbangan itu diterbitkan di laman web MAVCOM. MAVCOM bercadang untuk memperluaskan penerbitan

prestasi syarikat penerbangan bagi merangkumi pelepasan penerbangan dari lapangan terbang lain di Malaysia.

6. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) selaku Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan teknikal penerbangan awam negara telah meningkatkan pemantauan dan menjalankan siasatan terhadap sebarang insiden yang melibatkan pesawat-pesawat kendalian syarikat-syarikat penerbangan Malaysia.

7. Dalam hubungan ini, CAAM telah menjalankan siasatan mengejut ke atas syarikat penerbangan MAB termasuk syarikat MAB Engineering Services (MABES) dengan izin yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan pesawat-pesawat MAB pada 24 hingga 28 Jun 2024.

8. Berdasarkan dapatan siasatan tersebut, antara isu signifikan yang menyumbang kepada beberapa insiden teknikal pesawat MAB adalah kemungkinan disebabkan masalah komponen mekanikal dan kekurangan tenaga pekerja mahir yang diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pesawat dan meningkatkan tahap keberkesanan sistem pengurusan kualiti serta sistem pengurusan perihal selamat oleh syarikat penerbangan MAB dan MABES.

9. Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti tindakan penambahbaikan terhadap hasil siasatan mengejut CAAM, MAB telah menyediakan plan mitigasi antaranya adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pesawat ke tahap waspada bagi membolehkan fokus diberikan terhadap kebolehpercayaan pesawat.

10. Pada masa yang sama, MAB juga telah melaksanakan proses perolehan pesawat baharu sebagai salah satu strategi meningkatkan keyakinan penumpang terhadap syarikat penerbangan tersebut selain memastikan ketersediaan pesawat yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penerbangan yang telah dijadualkan.

11. Bagi memperkukuhkan aspek-aspek penyelenggaraan pesawat, MAB telah mengambil beberapa langkah komprehensif seperti berikut:

- i) Membatalkan beberapa rangkaian penerbangan dalam dan luar negara secara sementara. Langkah pembatalan rangkaian penerbangan ini adalah perlu bagi memastikan ketahanan jangka panjang pesawat dan keteguhan operasinya. Melalui pembatalan rangkaian penerbangan secara sementara ini akan membolehkan penyelenggaraan yang lebih proaktif dilakukan terhadap pesawat, mengurangkan risiko kerosakan pesawat dan memberikan pengalaman penerbangan yang terbaik kepada pelanggan. Keputusan ini juga adalah untuk memastikan standard keselamatan MAB bukan hanya dikekalkan tetapi diperkukuhkan;
- ii) MAB juga telah menjalankan siasatan menyeluruh terhadap isu teknikal semasa dengan mengenal pasti dan membetulkan punca, serta menambah baik protokol dan prosedur penyelenggaraan bagi memastikan piawaian keselamatan yang ditetapkan dapat dicapai;
- iii) Semua langkah penyelesaian masalah (*troubleshooting*) yang diperlukan untuk mengasingkan kerosakan sedang dilakukan menggunakan manual penyelenggaraan pesawat terkini yang telah diluluskan. Dalam hal ini, MAB telah menggunakan teknologi moden dalam penyelenggaraan pencegahan dan ramalan untuk menjangka dan menangani isu sebelum ianya menjadi kritikal;
- iv) MAB juga sedang bekerjasama rapat dengan pengeluar pesawat dan enjin serta rangkaian pembekal yang berkaitan untuk menangani isu rantai bekalan dan teknikal;
- v) Di samping itu, MAB juga sedang memberikan tumpuan kepada peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden; dan
- vi) Secara kolektifnya, langkah-langkah ini dilakukan bertujuan

untuk memulihkan keyakinan penumpang dan bagi memastikan penerbangan yang lebih selamat serta lebih dipercayai oleh penumpang.

12. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan audit terkini CAAM ke atas syarikat MAB, tempoh pembaharuan Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) akan dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun sahaja bermula 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Oleh yang demikian, syarikat penerbangan perlu melalui proses pengauditan yang lebih kerap sebelum AOC diperbaharui. Hal ini akan memastikan MAB lebih peka dan mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sewajarnya sebagai mana pelan mitigasi yang telah dikemukakan oleh CAAM.

13. CAAM akan meneruskan pemantauan dan menjalankan pengauditan keselamatan terhadap semua pesawat yang dimiliki oleh syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi dalam negara dalam memastikan aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dipatuhi sewajarnya. Kementerian ini menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan keselamatan penumpang penerbangan.

14. Kerajaan melalui YAB Perdana Menteri telah menyatakan komitmen untuk memastikan kejayaan syarikat MAB kerana ia merupakan syarikat penerbangan nasional dan harus kembali sebagai syarikat penerbangan utama negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR] minta
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan:**

(a) bagaimana Kementerian mengimbangi peningkatan permintaan tenaga disebabkan oleh kepesatan industri seperti pusat data dengan rancangan peralihan tenaga yang lebih hijau; dan

(b) apakah langkah yang diambil untuk menangani kekurangan pekerja mahir dalam sektor tenaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk memastikan sumber tenaga elektrik negara dapat dibekalkan dengan mencukupi kepada semua pengguna termasuk pusat-pusat data. Berdasarkan maklumat yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan, Pelaksanaan dan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) Bil.1/2024 pada 14 Mei 2024, unjuran keperluan bekalan elektrik bagi pusat data adalah sebanyak 3.0GW pada 2030 dan dijangka akan meningkat sehingga 4.6GW menjelang 2040.
2. Oleh itu, mesyuarat tersebut juga telah meluluskan unjuran Pelan Pembangunan Penjanaan (*Power Development Plan – PDP*) Semenanjung bagi tahun 2024 hingga 2050 dengan mengambil kira pembangunan kapasiti penjanaan baharu berasaskan gas dan peningkatan tenaga boleh baharu untuk memenuhi unjuran permintaan berkenaan. Sebagai langkah penyelesaian segera, mesyuarat telah mengenal pasti beberapa buah loji jana kuasa sedia untuk dilanjutkan tempoh operasi kerana pembinaan sebuah loji janakuasa gas yang baharu akan mengambil masa antara empat (4) hingga lima (5) tahun.
3. Bagi mengimbangi peningkatan permintaan tenaga disebabkan oleh kepesatan industri seperti pusat data dengan rancangan peralihan tenaga yang lebih hijau, program-program sedia ada seperti *Feed-in Tariff (FiT)*, *Net Energy Metering (NEM)*, *Self Consumption (SelCo)*, *New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA)* dan *Corporate Green Power Program (CGPP)* akan diteruskan bagi penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu. Terkini, pihak Kementerian telah mengumumkan pelaksanaan *Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRESS)* bagi meningkatkan akses syarikat korporat kepada bekalan elektrik hijau pada 20 September 2024. Melalui konsep akses grid terbuka (*open grid access*), pihak ketiga (*third party access – TPA*) boleh membekal (menjual) atau mendapat (membeli) bekalan elektrik melalui sistem rangkaian grid dengan caj akses sistem yang telah ditetapkan. Inisiatif-inisiatif ini akan meningkatkan lagi kapasiti penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu untuk pembekalan elektrik terutamanya kepada pusat-pusat data.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan negara mempunyai pekerja mahir yang mencukupi dalam bidang tenaga, pelbagai program latihan dan kursus telah dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).
5. Seiring dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050, ST akan memantapkan lagi keupayaan sebagai badan kawal selia bagi aktiviti pembekalan tenaga di negara ini dengan giat menjalankan peperiksaan kekompetenan elektrik untuk melahirkan orang kompeten dalam bidang Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri sektor tenaga.
6. Dalam masa yang sama, ST juga telah mengeluarkan sebanyak 164,398 perakuan kekompetenan untuk pekerja mahir selaras dengan perundangan di bawah Akta Bekalan Elektrik (ABE) 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik (PPE) 1994 bagi memenuhi permintaan industri dan perkembangan ekonomi. Kemahiran tersebut termasuklah berkaitan pemasangan solar, *electric vehicle charging station* (EVCS), dan pemasangan elektrik yang lain.
7. Manakala, pihak TNB pula sedang menjalankan beberapa program latihan teknikal dan bukan teknikal seperti *Hydrogen Gas Turbine*, *Carbon Capture and Utilization Storage* (CCUS), *Battery Storage*, *Green Financing* dan *Environmental, Social and Governance* (ESG) *Risk Management* di TNB *Integrated Learning Solution* (ILSAS) sebagai persediaan kepada warga kerja TNB untuk memahami teknologi-teknologi berkaitan peralihan tenaga supaya dapat diaplikasikan semasa melaksanakan tugas. Pada tahun 2024, seramai 4,038 warga kerja TNB telah mengikuti program latihan ini dengan sasaran seramai 7,100 orang pada tahun 2025.
8. Selain daripada program latihan kepada warga kerja, TNB turut melaksanakan Kursus Pensijilan Kad Kelayakan Teknikal kepada kontraktor TNB yang melaksanakan kerja di sistem pembahagian (*distribution*). Di bawah program ini, seramai 5,351 orang kontraktor telah menerima pensijilan sehingga Ogos 2024 sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2019. Program latihan ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran kontraktor TNB dan juga untuk memastikan kerja yang

dilaksana dapat diselesaikan dengan baik, menepati masa dan mematuhi spesifikasi serta prosedur keselamatan sedia ada.

9. Bagi memperkasa dan melatih semula (*reskilling*) rakyat Malaysia yang kehilangan kerja dan menganggur, TNB telah memperkenalkan Program TNB *Reskilling* Malaysia (TRM) bermula tahun 2020. Sehingga tahun 2023, seramai 8,751 orang telah berjaya mengikuti program latihan ini. Antara program latihan yang dilaksanakan termasuk *smart meter installation, solar panel installation, operation and maintenance*, dan *low and medium voltage facility operation and maintenance*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan data terkini mengenai penyertaan awam bagi Skim Insentif Solar Rakyat (SolaRIS) dan apakah penemuan terkini mengenai keberkesanan program ini, terutamanya dalam menganjak Malaysia ke arah negara pelepas karbon sifar bersih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak program *Solar for Rakyat Incentive Scheme* (SolaRIS) diperkenalkan pada 1 April 2024, lebih daripada 1,000 pengguna NEM Rakyat yang telah menyiapkan pemasangan sistem solar, telah mendapat manfaat rebat SolaRIS, dengan majoriti pengguna NEM menerima rebat maksimum sebanyak RM4,000.
2. Secara konsepnya, pelaksanaan SolaRIS telah berjaya menurunkan kos pemasangan sistem solar bagi pengguna domestik kerana wujudnya *economies of scale* dan membolehkan pemasangan sistem solar untuk rakyat menjadi lebih mampu bayar. Pemberian insentif ini telah meningkatkan *uptake* pemasangan solar di kalangan pengguna domestik dan secara tidak langsung menyumbang kepada sasaran peningkatan kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) selaras dengan Pelan Tindakan Peralihan Tenaga Negara (NETR).
3. Analisa terhadap trend permohonan menunjukkan bahawa purata bilangan permohonan NEM Rakyat telah meningkat dari kira-kira 100 permohonan sehari sebelum ini kepada 150 permohonan sehari selepas skim SolaRIS diluncurkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif susulan yang diambil Kementerian selain penubuhan fakulti AI di UTM bagi melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI) yang memerlukan 200 ribu pakar menjelang 2030 memandangkan 1,800 graduan setahun berjaya dilahirkan melibatkan 13 universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk membangunkan bakat dalam bidang *Artificial Intelligence* (AI) bagi meningkatkan inovasi dan penggunaan teknologi digital untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.
2. Kerajaan juga telah merangka beberapa inisiatif penting bagi melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI) yang memerlukan 200 ribu pakar menjelang 2030.
3. Dalam hal ini, antara usaha yang dilaksanakan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah dengan **penubuhan *Malaysia AI Consortium (MAIC)*** yang memainkan peranan penting dalam menyatukan pakar-pakar AI dari pelbagai universiti dan industri untuk memberikan nasihat, kepakaran, dan sumbangan kepada pembangunan bakat AI di Malaysia. Ini diharapkan dapat mempercepat dan menyemarakkan pertumbuhan ekonomi negara berteraskan AI sekaligus mensejahtera kehidupan rakyat secara keseluruhannya.
4. Selain itu, KPT juga **bekerjasama dengan *Japan International Cooperation Agency (JICA)*** untuk memperluas bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini termasuk bidang AI, *Internet of Things* (IoT), dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), yang mana pelbagai universiti dan politeknik tempatan akan mendapat manfaat daripada kerjasama ini.
5. Selain itu juga, usaha KPT dalam membangun bakat AI negara turut disahut oleh Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) melalui pelancaran *AI Sandbox Pilot Program* yang antara lain bertujuan untuk melahirkan 900 syarikat pemula berteraskan AI serta melatih sehingga 13,000 bakat AI menjelang 2026.

6. KPT turut menjalin **kerjasama bersama NVIDIA** yang merupakan peneraju global dalam bidang pengkomputeran berkaitan AI bagi membangunkan bakat dalam bidang AI. Melalui kerjasama ini, NVIDIA telah menjalankan beberapa siri bengkel bersama Universiti Awam (UA) untuk berkongsi pengetahuan tentang AI secara langsung merangkumi penggunaan, penggunaan yang optimum dan pembangunan projek penyelidikan berkaitan AI.

7. Di samping itu, NVIDIA melalui **University Ambassador Program** juga telah menawarkan peluang kepada pensyarah terpilih untuk mengikuti kursus melibatkan *deep learning* dan AI bertujuan untuk pensijilan. Pensyarah yang telah mendapat pensijilan akan menjadi duta yang bertanggungjawab untuk melatih pelajar-pelajar dalam bidang AI.

8. Sebagai tambahan, terdapat **kerjasama agensi Kerajaan dengan Google melalui program Go Cloud** yang menyediakan kaedah pembelajaran digital tanpa kos untuk meningkatkan kemahiran 300,000 rakyat Malaysia dalam bidang AI, analitik data, dan produktiviti berasaskan awan menjelang 2026. Program ini membolehkan individu memperoleh pensijilan profesional dalam bidang permintaan tinggi seperti analisis data dan sokongan teknologi maklumat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada kesemua penerbangan AirAsia dapat menggunakan Aerobridge yang disediakan di lapangan terbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menyediakan kemudahan *aerobridge* di kebanyakan lapangan terbang di Malaysia dan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menggunakan semua kemudahan yang disediakan di setiap lapangan terbang di Malaysia, termasuk *aerobridge* bagi memudahkan pergerakan penumpang terutamanya golongan warga emas, kanak-kanak, ibu mengandung dan orang kurang upaya (OKU). Walau bagaimanapun, syarikat penerbangan diberi pilihan sama ada menggunakan kemudahan tersebut atau sebaliknya.

2. Menurut MAHB, caj bagi penggunaan *aerobridge* yang ditetapkan oleh pihaknya adalah sebanyak RM85 bagi setiap 3 jam. Ini bermakna sekiranya ia digunakan untuk *boarding* dan *disembarkation* bagi pesawat jenis Airbus A320 dengan jumlah penumpang 180 orang, kos yang dikenakan bagi setiap penumpang adalah lebih kurang RM0.24 sen. Dalam hubungan ini, untuk satu perjalanan di dua lapangan terbang, jumlah yang perlu dibayar oleh setiap penumpang adalah dianggarkan sebanyak RM0.50 sen.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Menurut AirAsia, syarikat penerbangan tambang murah (*low cost carrier* - LCC) di serata dunia memilih untuk menggunakan tangga daripada jambatan udara (*aerobridge*). Ini selari dengan model perniagaan dan konsep penerbangan tambang murah yang dipraktikkan oleh AirAsia. Namun begitu, AirAsia sentiasa menitik beratkan soal kecekapan dan keberkesanan sistem perkhidmatan penerbangan tambang murah tanpa menjejaskan kualiti servis dan mutu perkhidmatan.

4. AirAsia beroperasi berdasarkan waktu pusingan 25 minit antara ketibaan dan pelepasan sesebuah pesawat. Ini bermakna sebaik sahaja pesawat mendarat, ia mempunyai tempoh masa hanya 25 minit sahaja

untuk proses penumpang keluar dan seterusnya penumpang masuk dan bersedia untuk berlepas semula.

5. Menurut AirAsia, penggunaan tangga untuk menurunkan penumpang dan menaiki pesawat membolehkan kedua-dua pintu depan dan belakang digunakan serentak. Dalam hubungan ini, disiplin untuk terus mengekalkan tempoh di bawah paras 25 minit adalah sangat penting bagi AirAsia.

6. Penggunaan *aerobridge* akan diberi keutamaan apabila berlakunya hujan, kes-kes kecemasan dan penumpang berstatus orang kurang upaya (OKU) dengan mobiliti terhad. Penumpang OKU boleh memaklumkan status mereka melalui sistem tempahan atas talian atau melalui agensi pelancongan agar pihak AirAsia mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat persediaan menggunakan *aerobridge* dengan pihak lapangan terbang.

7. Walau bagaimanapun, AirAsia memaklumkan pihaknya sentiasa memberi keutamaan terhadap keselamatan penumpang. Dalam hubungan ini, segala kesulitan yang dilalui oleh penumpang sentiasa diambil kira. Sekiranya terdapat keadaan cuaca yang buruk atau adanya tetamu OKU yang memerlukan perkhidmatan *aerobridge*, AirAsia akan memberi keutamaan tanpa sebarang kos tambahan kepada penumpang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman dan jumlah pelajar Sarawak yang telah mendapat kemudahan pinjaman PTPTN sejak ia diperkenalkan dan nyatakan berapa orang peminjam yang telah gagal membayar balik pinjaman serta apakah tindakan yang telah dan akan diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Ogos 2024, sebanyak 224,432 pinjaman telah diluluskan kepada pelajar dari Sarawak dengan jumlah pengeluaran pinjaman keseluruhan sebanyak RM4.17 bilion.
2. Untuk tempoh yang sama, seramai 152,043 peminjam telah patut membuat bayaran balik pinjaman mereka dengan jumlah patut diterima PTPTN adalah sebanyak RM2.02 bilion. Daripada jumlah tersebut, jumlah tunggakan bayaran balik daripada peminjam Sarawak adalah sebanyak RM644 juta yang merangkumi 40,687 peminjam yang membuat bayaran balik secara tidak konsisten dan 23,048 peminjam yang belum mula membuat bayaran balik sebagaimana sepatutnya.
3. Bagi membantu meringankan beban membayar balik pinjaman, serta menggalakkan peminjam khususnya daripada negeri Sarawak tampil untuk membuat bayaran balik pinjaman mereka, kerajaan negeri Sarawak telah mengambil pendekatan untuk mengadakan kerjasama strategik bersama PTPTN di mana kerajaan negeri telah bermurah hati untuk membantu membuat bayaran balik pinjaman PTPTN oleh anak Sarawak sebanyak 30% daripada jumlah pinjaman mereka, tertakluk kepada peminjam telah membuat bayaran balik sendiri pinjaman mereka, sekurang-kurangnya 30%.
4. Untuk itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) termasuk PTPTN ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak di atas keprihatinan membantu peminjam. Dalam hal ini, Kerajaan-kerajaan Negeri lain turut diseru untuk tampil mengambil langkah sebagaimana Kerajaan Negeri Sarawak dalam membantu peminjam daripada negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang sedang mengikuti kursus asasi dan ijazah sarjana muda di Universiti Malaya. Berapa jumlah mahasiswa yang disediakan tempat penginapan di asrama dan apakah rancangan Kementerian untuk menangani permintaan tempat penginapan yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, jumlah pelajar yang sedang mengikuti kursus asasi dan ijazah sarjana muda di Universiti Malaya (UM) adalah merangkumi **2,237 orang pelajar Asasi**, dan **18,364 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda**.
2. Berhubung perkara ini, UM telah menyediakan penginapan asrama kepada pelajar seperti berikut:
 - i. Pelajar Asasi **seramai 1,435 orang**; dan
 - ii. Pelajar Ijazah Sarjana Muda **seramai 4,942 orang**.
3. Untuk makluman, UM telah menetapkan polisi di mana semua pelajar yang sedang mengikuti kursus Asasi dan Ijazah Sarjana Muda (tahun pertama) akan diberikan penginapan di asrama.
4. Selaras dengan perkara ini juga, UM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kapasiti asrama penginapan di kampus iaitu:
 - i. Untuk **jangka masa pendek**, UM telah membuka Kolej Kediaman Ketiga Belas yang mampu menampung lebih kurang 3,000 pelajar dalam satu masa.
 - ii. Untuk **jangka sederhana**, UM mendapatkan premis-premis yang berhampiran untuk dijadikan asrama penginapan kepada pelajar.
 - iii. Untuk **jangkamas panjang**, UM sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk membina asrama penginapan yang mampu menempatkan 30,000 pelajar pada tahun 2050.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian untuk memastikan mereka yang mempunyai kad pengenalan merah dan telah mempunyai dokumen permohonan yang lengkap untuk tidak menunggu lama dalam proses permohonan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa komited untuk memastikan setiap permohonan kewarganegaraan diproses dengan telus, adil, dan mengikut peruntukan undang-undang. Setiap permohonan kewarganegaraan memerlukan penelitian yang rapi berdasarkan peruntukan undang-undang dan Kementerian berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan tempoh menunggu bagi mereka yang telah mengemukakan dokumen lengkap. Walau bagaimanapun, proses ini perlu dijalankan dengan cermat bagi memastikan pemohon memenuhi semua syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
2. Permohonan kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan dan tidak diberikan sewenang-wenangnya. Oleh itu, setiap permohonan akan dinilai dengan teliti tanpa mengira keturunan, agama atau pangkat pemohon. Beban membuktikan kelayakan terletak pada pemohon, di mana pertimbangan dibuat berdasarkan syarat dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964, serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak dan peraturan imigresen.
3. Penilaian setiap permohonan bergantung kepada dokumen sokongan dan fakta kes yang dikemukakan. Walaupun proses ini memerlukan masa, KDN berusaha mempercepatkan pengeluaran keputusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 1 Oktober 2024, KDN telah berjaya mengeluarkan sebanyak 17,452 keputusan kewarganegaraan, melebihi sasaran 17,000 permohonan yang ditetapkan.

4. Sebagai tambahan, Kementerian telah mengeluarkan Prosedur Pengendalian Standard Permohonan Kewarganegaraan secara naturalisasi di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan pada 30 September 2024. SOP 19(1) ini akan berkuat kuasa bagi permohonan kewarganegaraan mulai 1 Januari 2025. Melalui SOP baharu ini, proses permohonan dan tempoh masa pemprosesan adalah selama satu (1) tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengatasi isu kekurangan guru di sekolah-sekolah di Selangau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi perhatian khusus terhadap pengisian guru di Sarawak. Data terkini sehingga 30 September 2024, seramai 1,697 orang guru baharu telah ditempatkan di seluruh negeri Sarawak. Berdasarkan jumlah ini, seramai 264 orang guru ditempatkan di sekolah menengah, dan 1,433 orang guru pula ditempatkan di sekolah rendah. Khusus bagi daerah Selangau, seramai 24 orang guru baharu telah ditempatkan dengan dua orang guru di sekolah menengah dan 22 orang guru di sekolah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2024, terdapat 420 waran perjawatan untuk sekolah-sekolah di daerah tersebut dengan baki kekosongan sebanyak 38 jawatan, iaitu dua jawatan bagi sekolah menengah dan 36 jawatan bagi sekolah rendah.

Bagi menangani isu kekurangan guru di Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan pengambilan khas bagi Negeri Sarawak tahun 2024. Urusan pengambilan khas ini dilaksanakan secara lantikan kontrak (interim) bagi graduan pendidikan dan secara *Contract of Service* (CoS) bagi graduan bukan pendidikan.

Iklan pengambilan khas bagi Negeri Sarawak tahun 2024 telah dihebahkan pada 1 hingga 23 Ogos 2024. Urusan temu duga dilaksanakan oleh SPP bermula pada bulan Oktober 2024. Keputusan temu duga dijangka akan dikeluarkan pada November 2024.

Urusan pengambilan khas Negeri Sarawak tahun 2024 adalah berdasarkan kekosongan jawatan mengikut opsyen seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Pendidikan Islam serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Pengisian jawatan adalah bergantung kepada bekalan calon yang berjaya dalam temu duga oleh SPP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan daripada 12 kes yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bertarikh 31 Januari 2023, berapa orang yang terbabit telah ditangkap oleh PDRM, didakwa dan dihukum dalam mahkamah jenayah atas kesalahan dan penipuan yang berkenaan dengan kes-kes tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Bank Negara Malaysia (BNM) telah memberi maklum balas kepada pertanyaan Yang Berhormat mengenai kemaskini status kes penipuan dan langkah penambahbaikan dasar berterusan yang telah diambil oleh BNM melalui surat yang bertarikh 14 Ogos 2024.

Untuk makluman, BNM mengendalikan aduan yang dikemukakan terhadap penyedia-penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) yang dikawal selia oleh BNM sahaja, berdasarkan proses aduan yang ditetapkan. Dalam hal ini, sekiranya kes-kes melibatkan kerugian kewangan yang berpunca daripada kelemahan PPK, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap PPK yang terbabit.

Bagi persoalan mengenai tangkapan dan dakwaan berkenaan dengan 12 kes penipuan kewangan yang dinyatakan, BNM ambil maklum bahawa sebarang siasatan bagi kesalahan penipuan adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimana Kementerian bercadang untuk menyokong syarikat RE100 yang melabur di Malaysia untuk mencapai sasaran tenaga diperbaharui (*renewable energy targets*) mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyokong usaha syarikat RE100 yang melabur di Malaysia untuk mendapat akses bekalan elektrik hijau berdasarkan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB), Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program khusus untuk membolehkan syarikat korporat mendapat bekalan elektrik hijau daripada sumber TBB seperti berikut:

- i. Program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) yang membolehkan syarikat korporat termasuk di kalangan RE100 untuk mendapat bekalan elektrik hijau yang dijana daripada sumber TBB secara langsung daripada pemaju TBB menggunakan sistem rangkaian grid TNB sedia ada;
- ii. Program *Green Electricity Tariff* yang membolehkan langganan secara terus bekalan elektrik hijau yang dijana daripada sumber solar dan hidroelektrik dilakukan oleh syarikat korporat menerusi syarikat utiliti;
- iii. Program *Malaysia Green Attribute Trading System* (mGATS) yang membolehkan syarikat korporat membeli sijil TBB atau *renewable energy certificate* (REC) sebagai *offset* kepada bekalan elektrik yang digunakan dalam *carbon reporting* oleh syarikat RE100.

2. Selain itu, Kerajaan juga sedang merencanakan usaha untuk meningkatkan campuran kapasiti TBB dalam campuran bekalan elektrik negara bagi menyediakan sistem bekalan elektrik yang lebih lestari dan rendah karbon pada kos yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan potensi kecerdasan buatan (generative AI) yang telah dikenal pasti oleh Kementerian yang mampu bantu meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan Kerajaan serta bagi sektor swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. AI Generatif berpotensi besar dalam merevolusikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan sektor swasta. Malaysia Centre4IR telah mengunjurkan bahawa AI Generatif boleh menjana sebanyak USD 113.4 bilion dalam kapasiti produktif bagi ekonomi Malaysia.

2. Antara keupayaan AI Generatif adalah termasuk pengautomasian tugas rutin, pengalaman interaksi yang unik dengan rakyat Malaysia serta peningkatan kecekapan dalam pembuatan keputusan. Selain itu, analisis data yang didorong oleh teknologi AI juga boleh mengenal pasti trend terkini dalam membantu Kerajaan membuat jangkaan keperluan rakyat serta penyediaan sumber tenaga yang lebih cekap.

3. Penubuhan Pejabat AI Kebangsaan (“NAIO”) yang akan diluncurkan pada penghujung tahun ini akan memanfaatkan AI Generatif untuk rakyat Malaysia dengan memupuk inovasi, mempromosikan kerjasama merentas sektor dan menyokong penerimgunaan AI. Selain itu, NAIO akan turut menerajui inisiatif yang memanfaatkan AI untuk mengukuhkan ekonomi digital, meningkatkan perkhidmatan awam dan menyumbang kepada pembangunan yang mampan.

4. Kementerian Digital melalui Jabatan Digital Negara (JDN) sedang meneroka potensi AI Generatif yang boleh diaplikasikan dalam sektor Kerajaan dan swasta antaranya seperti:

(i) Automasi Proses dan Pengurusan Data

AI Generatif boleh digunakan untuk mengautomasi proses pentadbiran dan pengurusan data yang lebih tepat dan cekap selain pengurangan beban kerja secara manual.

(ii) Perkhidmatan Pelanggan

Dalam sektor swasta, AI Generatif boleh digunakan dalam pembangunan *chatbot* dan sistem sokongan pelanggan yang lebih pintar dan responsif serta menjamin peningkatan

pengalaman pelanggan serta tempoh maklum balas yang lebih efisien. Sebagai contohnya, aplikasi Suara Rakyat (“SuaRa”) yang dibangunkan secara dalaman di JDN menggunakan teknologi AI, berupaya untuk menganalisis sentimen atau maklum balas pengguna di platform media sosial terhadap perkhidmatan sektor awam. Selain itu, aplikasi *chatbot* AI yang kini digunakan oleh JDN dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga telah memudahkan urusan pengguna untuk berinteraksi dengan pihak Jabatan.

(iii) Pembangunan Kandungan

Penggunaan AI Generatif juga dapat membantu dalam penciptaan kandungan seperti laporan, artikel dan bahan pemasaran yang lebih tepat dan pantas agar organisasi boleh memberi fokus kepada tugas-tugas strategik yang lain.

(iv) Analisis Data dan Ramalan

Selain itu, AI Generatif boleh digunakan bagi menganalisis data raya untuk membuat ramalan yang lebih tepat dan pembuatan keputusan yang lebih menyeluruh. Aplikasi AI Generatif yang diintegrasikan dengan teknologi *Internet of Things* (IOT) telah membantu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat bagi meningkatkan produktiviti dan hasil tanaman melalui penyediaan fungsi analisis data dan ramalan bagi fungsi seperti pembajaan, penyiraman tanaman dan analisis kesuburan tanah.

(v) Pendidikan dan Latihan

AI Generatif boleh digunakan untuk pembangunan bahan pembelajaran yang boleh disesuaikan mengikut keperluan pelajar selain penyediaan latihan yang lebih interaktif dan berkesan.

(vi) Keselamatan Siber

AI Generatif juga boleh membantu dalam mengenal pasti dan mengatasi pelbagai ancaman keselamatan siber dengan lebih pantas dan tangkas, sekali gus melindungi semua data dan

sistem daripada mana-mana serangan.

5. Melalui pelaburan dan pelaksanaan yang strategik, aplikasi berasaskan AI Generatif boleh dijadikan sebagai pemangkin kepada perkhidmatan Kerajaan dan swasta yang lebih cekap, responsif dan telus di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasrat memberikan "Pas Sekolah" dan "Pas Bekerja" bagi memudahkan pemilik sijil kelahiran yang tertakluk kepada Akta 299 (Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957) yang berstatus bukan warganegara untuk mendapatkan peluang pendidikan dan pekerjaan yang tidak mempengaruhi permohonan kewarganegaraan bagi individu yang dalam proses memohon kewarganegaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada pengeluaran Pas Pelajar bagi kanak-kanak yang masih menunggu proses mendapatkan kewarganegaraan, pelaksanaan semasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak membenarkan mana-mana warganegara asing yang memiliki pasport atau dokumen perjalanan yang sah serta telah menerima tawaran belajar di mana-mana institusi pendidikan di Malaysia, layak memohon Pas Pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat Pas Pelajar sepertimana yang ditetapkan oleh Akta Imigresen 1959/63.

2. Bagi institusi pendidikan tinggi di Semenanjung Malaysia, permohonan Pas Pelajar perlu dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui Education Malaysia Global Services (EMGS) yang merupakan pusat sehenti bagi pengambilan pelajar antarabangsa di Malaysia. Manakala bagi kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pendidikan tinggi di Sabah dan Sarawak adalah melalui JIM di kedua-dua negeri tersebut. Bagi kanak-kanak warga asing di bawah umur 18 tahun, Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak menghalang mereka untuk mendapatkan pendidikan asas namun tertakluk kepada dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Syarat yang sama dikenakan untuk pengeluaran Pas Bekerja oleh JIM kepada mana-mana warganegara asing iaitu perlu memiliki pasport atau dokumen perjalanan yang sah serta telah mendapat tawaran bekerja dari syarikat yang sah di sisi undang-undang seperti yang tertakluk di bawah peruntukan Akta Imigresen 1959/63. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat yang memberikan situasi di Sabah, kebenaran belajar dan bekerja kepada warganegara asing juga adalah tertakluk kepada dasar semasa Kerajaan Negeri Sabah dan KDN amat menghormati semua keputusan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

4. Seperti Ahli yang Berhormat sedia maklum, kelahiran di negara ini tidak membawa maksud kewarganegaraan secara automatik kepada kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlulah didaftarkan sama ada individu berkenaan bertaraf warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang, kaum, agama dan sebagainya. Tujuan pendaftaran supaya membantu Kerajaan untuk simpanan rekod dan bukti bahawa kelahiran tersebut berlaku di Malaysia.

5. Pendaftaran kelahiran di Malaysia yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan kepada tiga (3) punca kuasa sepertimana berikut: -

- i. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) di Semenanjung Malaysia;
- ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sabah Cap. 123) di negeri Sabah; dan
- iii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sarawak Cap. 10) di negeri Sarawak.

6. Namun demikian, KDN sedia maklum bahawa isu-isu berkaitan *stateless* atau tanpa kerakyatan ini perlu diurus dengan berkesan. Sejak September 2022 sehingga kini, Kerajaan Negeri Sabah sedang melaksanakan Aktiviti Pendataan Digital Warga Asing (Pekerja Asing, Golongan Pelarian Filipina dan Masyarakat Pala'u) dalam usaha untuk memperolehi data maklumat peribadi serta biometrik setiap individu warga asing yang berada di Negeri Sabah. Objektif utama inisiatif tersebut adalah bagi mengenalpasti identiti, jumlah sebenar serta keberadaan golongan warga asing. Hasil dari inisiatif ini juga akan memudahkan pihak Kerajaan dalam merangka dasar dan strategi pengurusan warga asing yang berkesan serta bersesuaian dengan situasi sebenar di Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan tahunan untuk program Guru Ganti MySTEP, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan jumlah Guru Ganti MySTEP yang telah dilantik bagi tahun 2021 hingga 2024 masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP di bawah Inisiatif Malaysia *Short-Term Employment Programme*. Perolehan ini adalah bagi mengatasi kekosongan operasi guru tetap di sekolah dalam jangka masa pendek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah membelanjakan sebanyak RM48.27 juta bagi pengambilan MySTEP Guru Ganti pada tahun 2021. Jumlah perbelanjaan ini telah meningkat kepada RM50.66 juta pada tahun 2022 dan bagi tahun 2023 jumlah perbelanjaan MySTEP Guru Ganti adalah RM51.11 juta. Pada tahun 2024, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM50.8 juta dan sehingga September 2024, jumlah perbelanjaan bagi MySTEP Guru Ganti adalah sebanyak RM38.3 juta.

Jumlah MySTEP Guru Ganti yang telah dilantik melalui Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP adalah seramai 4,686 orang pada tahun 2021, 3,079 orang pada tahun 2022, 5,374 orang pada tahun 2023, dan seramai 6,075 orang bagi tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat mengawal dan kawal selia peningkatan premium dan kos insurans kesihatan swasta dan bagaimana kita dapat mengelakkan ia disalahgunakan terutamanya di hospital swasta yang akan mengakibatkan kos dan premium insurans naik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengawalseliaan peningkatan premium insurans kesihatan

Secara amnya, syarikat insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) akan menetapkan kadar premium/sumbangan produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance and takaful*, MHIT) berdasarkan profil risiko individu, trend tuntutan dan kos perbelanjaan perubatan serta kos insurans/takaful semula (*reinsurance/retakaful*). Komponen bekalan dan perkhidmatan hospital seperti caj makmal, ubat-ubatan, dan *consummables* yang tidak dikawalselia merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kos perbelanjaan perubatan iaitu merangkumi 59%-70% daripada jumlah bil hospital. Dengan peningkatan kos perbelanjaan perubatan serta kenaikan penggunaan servis kesihatan, penentuan semula kadar premium/sumbangan produk MHIT perlu dilaksanakan secara berkala bagi memastikan portfolio MHIT terus mampan and perlindungan yang berterusan dapat diberikan kepada pemegang polisi. Selain itu, isu peningkatan kos perubatan juga memerlukan tindakan bersepadu dari semua pihak untuk memastikan MHIT kekal mampan dan mampu milik dalam jangka masa panjang.

Bank Negara Malaysia mengawal selia peningkatan premium/sumbangan bagi produk MHIT berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Dokumen Dasar Perniagaan MHIT bertarikh 29 Februari 2024. Salah satu tujuan Dokumen Dasar Perniagaan MHIT diterbitkan adalah untuk meningkatkan standard amalan dalaman perniagaan ITO yang merangkumi panduan tambahan untuk memastikan peningkatan premium/sumbangan produk MHIT adalah adil dan saksama oleh ITO.

Dokumen Dasar Perniagaan MHIT memastikan sebarang amalan dalaman ITO untuk mentadbir urus peningkatan premium/sumbangan produk MHIT perlu mengambil kira keseimbangan antara kemampuan pemegang polisi dan kemampanan produk MHIT. Sebagai contoh, ITO

perlu memantau pengalaman kos tuntutan produk MHIT secara objektif, dan hanya boleh menetapkan semula premium/sumbangan apabila kos tuntutan sebenar melebihi nilai ambang (*threshold*) yang ditentukan lebih awal dalam amalan dalaman ITO.

Dokumen Dasar Perniagaan MHIT juga telah memperkenalkan peraturan-peraturan baru yang bertujuan untuk mendorong penggunaan dan preskripsi perkhidmatan kesihatan yang lebih bertanggungjawab dengan mewajibkan reka bentuk produk MHIT untuk mempunyai ciri-ciri perkongsian kos (*co-payment feature*).

Isu peningkatan kos perubatan memerlukan tindakan bersepadu oleh semua pihak untuk memastikan MHIT kekal mampan dan mampu milik dalam jangka panjang

Pengawalselian kos rawatan di hospital swasta

Untuk makluman, kos rawatan di hospital swasta adalah terdiri daripada fi hospital dan fi profesional. Fi profesional yang terdiri daripada fi perundingan dan fi tatacara dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdasarkan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan 2013) yang berkuatkuasa sejak tahun 2006. Jadual ini memperuntukkan harga siling atau had maksimum bagi fi profesional pengamal perubatan dan pergigian swasta.

Walau bagaimanapun, fi hospital yang antara lainnya terdiri daripada caj perkhidmatan kejururawatan, caj peralatan perubatan, caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain), caj ujian makmal dan caj ubat-ubatan tidak dikawal selia oleh KKM.

Beberapa kekangan dalam mengawal selia fi hospital telah dikenal pasti yang mana antaranya adalah kos operasi hospital seperti kos sewaan dan penyelenggaraan fasiliti yang berbeza mengikut saiz, jenis perkhidmatan yang ditawarkan dan lokasi hospital. Selain itu, kos peralatan perubatan, kos alat pakai buang seperti jarum, picagari dan

gauze, kos ujian makmal serta kos ubat-ubatan juga sukar untuk ditetapkan kerana ia bergantung kepada harga pasaran.

Namun begitu, bagi memastikan kos rawatan di hospital swasta tidak meningkat dengan sewenang-wenangnya, KKM telah mengambil langkah-langkah berikut:

Memastikan hospital mengadakan prosedur ketidakpuasan hati (*grievance procedure*) ke atas semua aduan;

- a. Memastikan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan disiasat;
- b. Memastikan hospital swasta serta pengamal perubatan dan pergigian swasta mematuhi fi profesional seperti yang termaktub di dalam Jadual Ketiga Belas; dan
- c. Membolehkan pesakit mendapat maklumat mengenai anggaran caj yang akan dikenakan sebelum rawatan dimulakan melalui *financial counselling* oleh hospital swasta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan Kementerian mana yang meluluskan kunjungan lawat sambil belajar ke Berlin untuk 68 pegawai Kerajaan yang dibatalkan kerana membazirkan sumber kewangan Kerajaan dan nyatakan kos yang terlibat serta tindakan yang dikenakan ke atas mereka yang terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

PAMERAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA INNOTRANS

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pameran Perdagangan Antarabangsa InnoTrans telah berlangsung pada 24 hingga 27 September 2024 di Berlin, Jerman. Pameran ini diadakan setiap dua tahun sekali merupakan salah satu pameran perdagangan antarabangsa terkemuka dan terbesar di dunia yang berfokus pada teknologi pengangkutan, terutamanya dalam industri kereta api.
2. Acara ini meliputi lima segmen utama iaitu teknologi kereta api, infrastruktur kereta api, pengangkutan awam, reka bentuk dalaman kenderaan dan pembinaan terowong. InnoTrans 2024 melibatkan 2,940 pempamer dari 59 negara serta lebih daripada 170,000 pelawat.
3. Selain itu, InnoTrans 2024 juga memberi fokus kepada teknologi pendigitalan, elektrifikasi dan mobiliti lestari dalam industri rel. Acara ini adalah signifikan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam sektor pengangkutan dan logistik.
4. Untuk InnoTrans kali ini, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (*Malaysia External Trade Development Corporation – MATRADE*) juga buat pertama kalinya menyertai program ini sebagai pempamer melalui Astaka Malaysia (*Malaysian Pavillion*) yang melibatkan 10 buah syarikat tempatan. Antara syarikat yang terlibat dalam astaka anjuran MATRADE ini adalah Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn Bhd, Malaysia Rail Industry Corporation (MARIC), Sarawak Metro Sdn Bhd dan Hartasuma Sdn Bhd.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 68 orang yang dijadualkan hadir, peserta yang melibatkan pegawai kerajaan adalah seperti berikut:
 - (a) 3 orang wakil daripada Kementerian Pengangkutan (MOT);

- (b) 4 orang wakil daripada Kementerian Kewangan (MOF);
- (c) 2 orang wakil daripada Kementerian Ekonomi (KE);
- (d) 2 orang wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- (e) 1 orang wakil daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG); dan
- (f) 15 orang wakil daripada pelbagai agensi termasuk agensi di bawah MOT, MOF dan KE yang didaftarkan di bawah Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Program*, ICP) yang diuruskan oleh Technology Depository Agency (TDA) Berhad.

Wakil-wakil yang selebihnya adalah daripada agensi-agensi Badan Berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang mempunyai aktiviti perniagaan teras (*core business*) dalam industri perkeretapian, iaitu:

- (a) 10 orang wakil dari Prasarana Malaysia Berhad;
- (b) 6 orang wakil daripada Perbadanan Aset Keretapi;
- (c) 6 orang wakil daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad;
- (d) 5 orang wakil daripada Mass Rapid Transit Corporation;
- (e) 4 orang wakil daripada Malaysia Rail Link Sdn Bhd;
- (f) 2 orang wakil daripada MyHSR Corporation Sdn Bhd; dan
- (g) 1 orang wakil daripada Malaysia Rail Development Corporation.

Selain itu, 4 orang wakil adalah daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan 3 orang wakil daripada pihak swasta.

6. Penyertaan wakil-wakil tersebut adalah bertujuan untuk siri perbincangan dan pemeeteraian kerjasama yang telah dijadualkan dengan syarikat antarabangsa seperti Alstom, Siemens Mobility, Hyundai Rotem, Downer Australia, PT Len Railway Systems Indonesia, CRRC Corporation. Ltd, Huawei Technologies Co. Ltd, Hitachi Rail – GTS dan Deutsche Bahn AG bagi pembangunan industri rel negara serta menarik minat pemain industri antarabangsa untuk melabur dalam negara.

7. Cadangan penyertaan wakil badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan telah mendapat kelulusan lembaga pengarah masing-masing. Seterusnya, cadangan penyertaan semua wakil telah dibawa ke Jemaah Menteri dan keputusan telah yang dibuat untuk tidak menyokong penyertaan tersebut. Susulan keputusan Jemaah Menteri, tindakan telah diambil untuk membatalkan penyertaan ke InnoTrans 2024 selari dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan perjalanan ke luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :**

- (a) berapa jumlah cukai yang dapat dikutip daripada produk merokok dan cecair/ gel bernikotin semenjak dikeluarkan daripada Akta Racun ; dan
- (b) berapa hasil daripada cukai tersebut yang telah disalurkan kepada KKM bagi tujuan perawatan pesakit NCD.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cecair atau gel **tidak bernikotin** yang digunakan dalam rokok elektronik dan vape tertakluk kepada kenaikan duti eksais pada kadar 40 sen per mililiter. Semua jenis peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape turut dikenakan duti eksais tetapi pada kadar ad-valorem 10%. Tarikh kuat kuasa pengenaan duti eksais ini adalah mulai 1 Januari 2021.

Selain itu, cecair atau gel yang **mengandungi nikotin** dan digunakan dalam rokok elektronik dan vape juga dikenakan duti eksais pada kadar 40 sen per mililiter. Tarikh kuat kuasa pengenaan duti eksais ini adalah mulai 1 Mei 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kutipan hasil cukai bagi produk rokok elektronik dan vape serta cecair atau gel yang mengandungi nikotin atau tidak bernikotin adalah sebanyak RM183.1 juta bagi tempoh dari tahun 2021 hingga 2024. Daripada jumlah ini, kutipan hasil cukai bagi produk merokok bernikotin adalah sebanyak RM100.3 juta.

Berhubung mekanisme penyaluran semula kutipan cukai ke atas cecair/gel bernikotin yang digunakan di dalam rokok elektronik dan vape, Artikel 97(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa segala hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun diperdapatkan atau diterima oleh Persekutuan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Dengan kata lain, kutipan hasil Kerajaan termasuk daripada pelbagai jenis cukai hendaklah diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Sebarang pengeluaran daripada kumpulan wang ini untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan termasuk program dan projek berkaitan penjagaan kesihatan rakyat perlu melalui proses penyediaan belanjawan tahunan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan diambil dan perancangan dalam meningkatkan tahap penguasaan murid dan pelajar dalam Bahasa Melayu dan sejauh mana pencapaian murid dan pelajar bukan Melayu terhadap Bahasa Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk meningkatkan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan keupayaan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Antaranya ialah:

- i. Pemerkasaan pendidikan bahasa Melayu melalui pelbagai strategi yang terkandung dalam Pelan Hala Tuju Memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025;
- ii. Pembangunan profesionalisme guru bahasa Melayu secara berterusan agar dapat meningkatkan pengetahuan pedagogi guru seterusnya memberi impak kepada pelaksanaan PdP di dalam bilik darjah;
- iii. Peningkatan profesionalisme guru melalui Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG);
- iv. Penerbitan bahan rujukan, buku panduan dan pedoman bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh murid dan guru; dan
- v. Pembangunan Jendela DBP yang merupakan pelantar pusat sehenti digital yang menyebarkan maklumat berkaitan bahasa, sastera, penerbitan dan bidang lain termasuklah sains dan teknologi.

KPM juga menjalinkan hubungan strategik dengan pelbagai pihak seperti Majlis Bahasa Cina Malaysia, *Tamil Foundation*, Kementerian Komunikasi dan Keretapi Tanah Melayu Berhad dalam melaksanakan program kebahasaan. Antara program kebahasaan yang telah berlangsung adalah seperti yang berikut:

- i. Program Desir Bahasa bersama-sama KTMB;
- ii. Bengkel Peningkatan Pengajaran dan Pembelajaran di SJK;

- iii. Program Perkampungan Bahasa Pulau Ketam pada 26 hingga 28 September 2024;
- iv. Pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan Digital pada 21 hingga 23 Jun 2024 yang melibatkan murid dari tiga buah sekolah SJKC dan sebuah sekolah menengah yang merupakan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Bahasa Cina Malaysia (MBCM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor;
- v. Pelaksanaan Didik Hibur berasaskan digital dalam PdP kurikulum BM untuk guru SJK pada akhir Oktober 2024; dan
- vi. Program Pemerksaan Bahasa Melayu di SJK bagi memantapkan penguasaan kurikulum dan pedagogi bahasa Melayu dalam kalangan Guru.

Selain itu, usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah kebangsaan dan sekolah vernakular turut terkandung dalam agenda Reformasi Pendidikan KPM. Ia telah diterjemahkan dalam agenda reformasi melalui intervensi kurikulum iaitu penjajaran kurikulum bahasa Melayu tahap I, penyediaan Modul Bimbingan (MOBIM) Tahap 1 dan Tahap II bagi membantu guru dan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Bagi memastikan para pelaksana memahami usaha KPM, sesi penataran melalui webinar kepada guru-guru telah diadakan pada 30 Julai 2024 (Penjajaran Kurikulum) dan 2 Oktober 2024 (MOBIM Tahap II). Bagi pemantapan guru bahasa Melayu, KPM juga memberikan Latihan Pembangunan Profesionalisme Guru BM yang mempunyai opsyen dan bukan opsyen. Antara kursus tersebut iaitu;

- i. Intervensi Kecekapan Berbahasa Melayu;
- ii. Pentaksiran Bilik Darjah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu;
- iii. Pedagogi Terbeza dalam Bahasa Melayu;
- iv. Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu; dan
- v. Bengkel Intervensi Permerksaan bahasa Melayu: Peningkatan Bertutur Guru Bahasa Melayu dalam aktiviti drama.

Dengan adanya program dan intervensi kurikulum melalui agenda reformasi ini diharap prestasi bahasa Melayu dapat dipertingkatkan dalam kalangan murid sekolah. Secara tidak langsung juga ia berupaya

NO SOALAN : 47

meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan bahasa kebangsaan dan seterusnya, memartabatkan bahasa Melayu bersesuaian dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris.

Sekian, terima kasih.